



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS YANG KEEMPAT BELAS**

[PERSIDANGAN HARI SELASA ... 10 DISEMBER 2019 / 13 RABIULAKHIR 1441H]

BIL.	NAMA	KAWASAN / JAWATAN
<u>AHLI YANG HADIR</u>		
1.	YB DATO' HAJI HAMDAN BIN BAHARI <i>D.P.M.P., S.M.P., A.M.N., A.M.P., P.M.P.</i>	.. SPEAKER
2.	YAB DATO' SERI AZLAN BIN MAN, <i>S.P.M.P., A.M.P.</i>	.. BINTONG (MENTERI BESAR)
3.	YB PUAN ASMAIZA BINTI AHMAD, <i>A.M.P., P.M.P.</i>	.. CHUPING (AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN)
4.	YB TUAN NURULHISHAM BIN YAAKOB <i>A.M.P., P.M.P., P.J.K., P.J.B.</i>	.. SIMPANG EMPAT (AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN)
5.	YB TUAN AZIZAN BIN SULAIMAN, <i>P.P.N., P.J.K.</i>	.. SANTAN (AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN)
6.	YB TUAN HAMIZAN BIN HASSAN, <i>P.J.K., P.J.B.</i>	.. KAYANG (AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN)
7.	YB TUAN RUZAINI BIN RAIS	.. BESERI (AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN)

BIL.	NAMA	KAWASAN / JAWATAN
8.	YB PUAN ROZIEANA BINTI AHMAD, <i>P.M.P., B.C.M., A.N.S.</i>	.. PAUH (AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN)
9.	YB PUAN SITI BERENEE BINTI YAHAYA, <i>P.J.K., P.J.B.</i>	.. MATA AYER (AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN)
10.	YB TUAN TEH CHAI AAN, <i>P.M.P., P.J.K.</i>	.. TITI TINGGI (AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN)
11.	YB TUAN ASRUL NIZAN BIN ABD JALIL	.. SENA
12.	YB PUAN GAN AY LING	.. INDERA KAYANGAN
13.	YB TUAN NOR AZAM BIN KARAP	.. KUALA PERLIS
14.	YB TUAN MOHD RIDZUAN BIN HASHIM	.. GUAR SANJI
15.	YB DATO' ISMAIL BIN KASIM, <i>D.P.M.P., S.M.P., A.M.P</i>	.. TAMBUN TULANG

AHLI YANG TIDAK HADIR DENGAN KEBENARAN SPEAKER

1.	YB TUAN MOHD SHUKRI BIN RAMLI	.. SANGLANG
----	-------------------------------	-------------

**AHLI YANG HADIR MENURUT PERKARA 38(3) UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN
PERLIS**

1.	YB TUAN AZMAN BIN MOHD YUSOF, <i>K.M.N.</i>	.. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
2.	YB TUAN WAN JEFFRY BIN KASSIM, <i>S.M.P.</i>	.. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
3.	YB TUAN HAJI NASARUDDIN BIN ABDUL MUTTALIB, <i>S.M.P.</i>	.. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

BIL.	NAMA	JAWATAN
<u>TURUT HADIR</u>		
1.	ENCIK NORAZLAN BIN YAHAYA, S.S.P., A.M.P., P.M.P.	.. SETIAUSAHA DEWAN
2.	ENCIK MOHAMMAD HAZRAF KHAN BIN HAKIM KHAN	.. PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN

**[MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS YANG KEEMPAT BELAS]
10 DISEMBER 2019 / 13 RABIULAKHIR 1441H SELASA, JAM 9.14 PAGI**

Sidang bermula pada jam 9.14 pagi.

YB SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan mula bersidang.

1. ... DOA

SETIAUSAHA DEWAN : Doa.

(Bacaan doa oleh Setiausaha Dewan)

2. ... PEMASYHURAN DARIPADA YB SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS

SETIAUSAHA DEWAN : Pemasyhuran oleh Yang Berhormat Speaker Dewan Undangan Negeri.

YB SPEAKER : Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Sanglang Tuan Mohd Shukri bin Ramli tidak dapat hadir dalam persidangan pada kali ini kerana masih dalam cuti sakit. Beliau telah mengemukakan Sijil Akaan Cuti Sakit daripada hospital kerajaan. Di kesempatan ini juga saya ingin menerangkan kepada Ahli-Ahli yang Berhormat sekalian tentang aturan perjalanan Mesyuarat Dewan kita pada hari ini. Sejurus selepas ini, Kertas-kertas Dewan yang telah disenaraikan akan dibentangkan di atas meja mesyuarat tanpa dibahas, selaras dengan Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan. Sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin menyentuh sebarang perkara berhubung mana-mana Kertas berkenaan ini, ia bolehlah dibangkitkan semasa perbahasan kelak. Setelah itu, soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian akan dijawab oleh pihak Kerajaan mengikut turutan seperti di dalam Kertas Perintah Mesyuarat Dewan. Dewan kemudiannya akan berehat sebentar dan apabila disambung semula, Usul Anggaran Pembangunan Negeri Perlis Tahun 2020 dan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tahun 2020 yang kedua-duanya membentuk Anggaran Bajet Negeri Perlis Bagi Tahun 2020 akan dibentangkan secara serentak oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Setelah Yang Amat Berhormat Menteri Besar selesai membentangkan Bajet, persidangan pada hari ini akan ditangguhkan bagi memberi ruang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian untuk meneliti anggaran bajet tersebut dan membuat persediaan untuk perbahasan pada hari esok. Saya akan memperuntukkan tempoh masa kira-kira 25 minit setiap seorang untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat membahaskan usul ini pada hari esok. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat datang kepada dua orang daripada Dewan Undangan Negeri Sabah iaitu Setiausaha Sulit kepada Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah dan Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sabah, selamat datang. Sekian, terima kasih.

3. ... KERTAS-KERTAS DEWAN

SETIAUSAHA DEWAN : Kertas-Kertas Dewan yang dibentangkan.

YB SPEAKER : Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

YAB MENTERI BESAR : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... Yang Berhormat Dato' Speaker, sukacita saya membentangkan di atas meja mesyuarat, Kertas-Kertas Dewan Bilangan 3 Tahun 2019 hingga Bilangan 14 Tahun 2019.

4. ... SOALAN-SOALAN LISAN

SETIAUSAHA DEWAN : Soalan-soalan lisan.

YB SPEAKER : Soalan-soalan lisan, dipersilakan Yang Berhormat Sena.

YB TUAN ASRUL NIZAN BIN ABD JALIL : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi, Tuan Speaker soalan saya, soalan nombor 1.

(Soalan 1 : Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk mempermudah sistem lalu lintas di simpang-simpang tiga di dalam negeri agar menjadi seperti simpang tiga di Kolej Vokasional Kangar atau Balai Baru dimana jalan yang lurus tidak perlu berhenti (disediakan 'island' untuk membahagikan laluan terus dengan yang membelok?)

YB TUAN HAMIZAN BIN HASSAN : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk soalan nombor satu ini Kerajaan Negeri telahpun melaksanakan dan juga turut telah merancang pelebaran simpang-simpang yang berisiko kerap berlaku kemalangan dan kesesakan secara berfasa atau pun secara berperingkat-peringkat berdasarkan peruntukan yang disalurkan. Namun terdapat juga simpang-simpang yang memerlukan proses pengambilan balik tanah yang melibatkan kos bayaran pampasan dan juga melibatkan juga pengalihan utiliti di simpang tersebut dan ini memerlukan masa dan juga kos. Di antara projek-projek naiktaraf simpang yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 dan 2019, antaranya ialah naiktaraf persimpangan Jalan Mata Ayer-Beseri iaitu (R9) ke Jalan Kubang Perun (R124), menaiktaraf persimpangan Jalan Santan (R135) dan Jalan Ngulang-Mata Ayer (R126), Perlis, kemudian kita menaiktaraf persimpangan Jalan Changkat Jawi (R149) dan Jalan Behor Mentalon (R153), seterusnya menaiktaraf persimpangan Jalan Sg Batu Pahat (R117) dan Jalan Abi Batas Paip (R119) dan naiktaraf persimpangan Jalan Kampung Surau – Jalan Tambun Tulang (R159) dan Jalan Binjal - Ujong Batu (R161). Sekian.

YB TUAN ASRUL NIZAN BIN ABD JALIL : Soalan tambahan... Adakah pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk menukar sistem lampu isyarat ke warna kuning seperti pada jam 11.00 malam sebagaimana yang diamalkan oleh negara Thailand yang ini kita tengok dari aspek keselamatan lah, kadang-kadang bahaya pukul 1... 2 pagi kita terpaksa berhenti di lampu merah, jadi faktor keselamatan takut orang mai apa nak mencuri apa ka... dan sebagainya? Terima kasih.

YB TUAN HAMIZAN BIN HASSAN : Ya... terima kasih YB... ya memang Kerajaan Negeri bersedia dan ada juga tempat-tempat yang telahpun kita laksanakan dan untuk simpang-

simpang lampu isyarat yang... apa ni... yang kita 'blink' kan dengan warna kuning tu memang dalam proses... apa ni... penilaian dan juga kajian oleh pihak-pihak JKR Perlis.

YB DATO' ISMAIL BIN KASIM : Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Kayang, saya nak beritahu Yang Berhormat dengan pusingan 'U' di Jalan Kangar-Arau iaitu saya ingat terlampau banyak pusingan balik yang berlaku menyebabkan kadang-kadang lalu lintas tu dia jalan pintas utama dan sangat sibuk terutamanya ketika waktu puncak dan sering terjadi kemalangan. Jadi saya minta beberapa tempat tu ditutup untuk pastikan kita hanya ada tempat-tempat yang agak selamat bagi kenderaan-kenderaan yang walaupun banyak lampu isyarat tetapi ada tempat-tempat yang agak berbahaya terutamanya ketika pada waktu pagi pukul 7.00 dan juga waktu jam 5.00 petang. Minta kajian semula dibuat oleh JKR terhadap laluan-laluan itu terutama di hadapan PETRON di hadapan rumah saya itu yang saya tengok ada beberapa, seringkali berlaku kemalangan yang agak teruk, terima kasih.

YB TUAN HAMIZAN BIN HASSAN : Terima kasih Yang Berhormat Tambun Tulang, insyaAllah *U-Turn* Jalan Kangar-Arau ni... semasa pembinaannya memang kita telah dibuat kajian untuk apa ni... kedudukan ataupun lokasi *U-Turn* dan kebiasaannya *U-Turn* ini di... di... apa ni.. disediakan berdasarkan kepada keperluan apa ni... penduduk dan juga trafik pada masa ketika itu. Tetapi insyaAllah cadangan Yang Berhormat Tambun Tulang kita akan ambil maklum dan kita akan berbincang dan juga akan buat kajian, berkaitan dengan jumlah dan juga kedudukan *U-Turn-U-Turn* yang dari Jalan Kangar-Arau ini. Terima kasih.

YB SPEAKER : Dipersilakan Yang Berhormat Indera Kayangan.

YB PUAN GAN AY LING : Terima kasih Dato' Speaker, selamat pagi dan selamat sejahtera. Soalan saya, soalan nombor 2, terima kasih.

(Soalan 2 : Berapakah jumlah hasil buah Harumanis keluaran Jabatan Pertanian pada tahun 2019 dan berapakah aduan yang diterima berkait masalah kualiti serta apakah kaedah penyelesaiannya?)

YB TUAN NURULHISHAM BIN YAAKOB : Terima kasih Dato' Speaker, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi, terima kasih juga kepada YB Sena... eh YB Indera Kayangan dan saya mohon izin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan nombor 5 daripada Yang Berhormat Tambun Tulang.

(Soalan 5 : Apakah usaha-usaha dan langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan kualiti penanaman dan penjagaan Harumanis di negeri ini?)

Jumlah pengeluaran mangga Harumanis keluaran Jabatan Pertanian pada tahun 2019 adalah sebanyak 15,598.15 tan metrik dengan nilai pengeluaran sebanyak RM257,938.90. Peratus kelekatan buah yang rendah telah menyebabkan hasil mangga Harumanis keluaran Jabatan Pertanian menurun berbanding tahun 2018. Antara faktor yang mempengaruhi kelekatan buah yang rendah ialah perbezaan antara suhu siang dan malam, kurangnya agen pendebungaan, serangan antraknos pada peringkat bunga, dan cuaca yang buruk. Jabatan Pertanian setakat ini hanya menerima aduan secara lisan jika berkait tentang masalah kualiti untuk buah yang telah dijual. Sebanyak 10 aduan lisan diterima dan telah diambil tindakan serta-merta dengan menggantikan semula dengan buah yang berkualiti kepada pembeli. Selain itu, bagi mengatasi masalah kualiti buah Harumanis ini, Jabatan Pertanian telah mengambil beberapa langkah penyelesaian seperti mengelak daripada menerima tempahan ketika musim kritikal atau cuti umum, memilih perkhidmatan kurier yang lebih pantas agar buah yang dihantar cepat sampai dan tidak rosak, memastikan pembungkusan buah dibuat dengan kemas, menyediakan pekerja khusus dalam mengendalikan setiap tempahan dan menyatakan dengan lebih jelas panduan

berkenaan dengan tarikh yang sesuai untuk dimakan serta cara-cara penyimpanan buah untuk memastikan kualiti buah sentiasa terjamin.

Pengeluaran buah Harumanis yang berkualiti merupakan fokus utama Kerajaan Negeri. Justeru, beberapa langkah telah diambil bagi memastikan buah yang dikeluarkan oleh petani di Perlis berkualiti, selamat dimakan dan berorientasikan eksport. Jabatan Pertanian akan mengeluarkan Manual Tanaman Mangga Harumanis (MA128) yang lengkap mengenai pengurusan tanaman ini dan ianya akan diedarkan kepada 3,000 orang penanam mangga Harumanis di Perlis. Selain itu, Jabatan Pertanian juga dipertanggungjawabkan untuk membimbing dan memberi pengetahuan kepada petani mangga Harumanis melalui kursus dan latihan *hands on* dalam memfokuskan peningkatan kualiti Harumanis. Kursus dan latihan *hands on* yang dijalankan oleh Agen Pengembangan Tanaman ini dijalankan di setiap kawasan perkhidmatan mengikut kalendar tanaman. Latihan ini memfokuskan tentang penanaman di ladang, aruhan pembungaan, penjagaan bunga, putik dan buah, membalut buah, pengendalian lepas tuai dan pemangkasan.

Sebanyak 54 kelompok meliputi 2,094 orang penanam Harumanis terlibat secara langsung bagi memastikan buah yang dikeluarkan adalah berkualiti. Sehingga Oktober 2019, sebanyak 38 kursus dan latihan *hands on* telah dilaksanakan melibatkan 1,428 orang petani di seluruh Perlis. Selain itu, pemantauan bacaan *Brix* di ladang juga dijalankan oleh pegawai bertanggungjawab sebelum buah dituai bagi memastikan buah yang dituai cukup matang. Ini bagi menjamin buah yang akan dipasarkan nanti berbau harum dan manis. Sebagai langkah untuk menjaga kualiti penanaman dan penjagaan Harumanis ini, Jabatan Pertanian juga telah menjalankan pemerhatian dengan menyediakan plot tanaman Harumanis sebagai percubaan kepada syarikat-syarikat racun dan baja antaranya *Bright Resources*, *KT Plants Nutrient*, *INO Nature*, *Agro Mahligai* dan lain-lain dalam menangani masalah serangan serangga, penyakit dan kadar kelekatan bunga yang tidak menentu. Jabatan Pertanian juga menjalankan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dalam Program Rakan Strategik untuk menjalankan penyelidikan dan pemerhatian terhadap peningkatan kualiti mangga Harumanis. Pemerhatian ini dijalankan di Pusat Kecemerlangan Mempelam Harumanis Bukit Bintang 1, Sungai Batu Pahat Perlis. Di samping itu, Jabatan Pertanian juga sentiasa mempergiatkan kempen pensijilan MyGAP di mana pengusaha-pengusaha Harumanis diberi latihan dan kursus berkaitan Amalan Pertanian Baik dengan mensyaratkan pengusaha untuk mendapatkan pensijilan MyGAP dan juga sebagai syarat tambahan untuk sebarang permohonan insentif teknologi. Jika lebih ramai pengusaha yang mendapatkan pensijilan MyGAP ini, ianya menunjukkan bahawa pengeluaran hasil mangga Harumanis adalah diperakui selamat untuk dimakan dan berkualiti. Sehingga kini, sebanyak 61 buah ladang telah dipersijilkan MyGAP dan sasaran pensijilan MyGAP pada tahun 2020 adalah sebanyak 42 buah ladang lagi, sekian, terima kasih.

YB DATO' ISMAIL BIN KASIM : Terima kasih Dato' Speaker... terima kasih kepada Yang Berhormat Simping Empat. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana atas usaha yang dibuat secara berterusan dari segi pemantauan dan sebagainya. Cuma kita lihat sekarang sudah menjadi... tanaman Harumanis ini menjadi satu program ataupun target utama penduduk untuk meningkatkan taraf pendapatan dan setengahnya menjadikan tanaman ini sebagai pencen mereka di hari tua lah, bagi mereka yang berkhidmat dalam sektor Kerajaan dan sebagainya. Cuma saya ingin bertanya, adakah usaha yang dibuat setakat ini, pemantauan yang teliti termasuk kita menghantar EO ataupun Pegawai Pertanian ke semua ladang-ladang ini secara berkala, sekurang-kurangnya mendapatkan bacaan, fakta, apa-apa tentang ini sebab kita sebenarnya tidak dibuat, benda ini saya tak nampak dibuat ataupun tidak cukup kakitangan, kerana kalau kesungguhan ini dibuat, kualiti Harumanis ini yang boleh mencapai taraf... apa... pendapatan yang lebih tinggi terutamanya kalau kita sampai ke Jepun, ke mana-mana negara maju tetapi setakat usaha yang dibuat ini belum mampu mencapai kualiti ataupun perspek yang dikehendaki oleh negara maju. Jadi apakah usaha yang dibuat oleh Kerajaan

setakat ini dan juga pastikan kita mencapai hasrat ini kerana suatu masa dulu kita pernah mengeksport ke Jepun tetapi tertangguh apabila kualiti-kualiti kita ini telah jatuh dan tidak menepati kehendak yang diperlukan oleh pihak mereka. Terima kasih Dato' Speaker.

YB TUAN NURULHISHAM BIN YAAKOB : Terima kasih Yang Berhormat Tambun Tulang, untuk makluman Yang Berhormat Tambun Tulang, setakat ini kita berhenti untuk menghantar buah ke luar negara disebabkan proses ketahanan buah kita belum dapat lagi... untuk penyimpanan, yang kedua untuk bekalan buah yang ada di Perlis ni untuk dalam negara pun tak cukup. Untuk pemantauan pegawai-pegawai tu kita dah atur cara di samping kita banyakkann kursus-kursus cuma masalah kita untuk nak mendapati tu sebab penanam-penanam banyak daripada golongan orang lama-lama, orang pencen, kita nak kursus kadang-kadang untuk bagi proses buah tu bagi elok, kadang-kadang mereka hadir, kadang-kadang mereka tak mau hadir. Oleh yang demikian kita sekarang ini wujud satu... apa... pelan kita namakan agropreneur muda. Kita nak minta pada tuan punya-tuan punya tu bagi dekat orang muda atau pun bubuh nama orang muda ambil alih bukan kata nak ambil terus. Ambil alih untuk nak menghadiri program-program kursus seperti MyGap apa yang kita buat, itu... tujuan dia macam tu... dia jadi semacam lebih kurang macam petani lah buat bendang lah. Orang lama-lama dia tak mau bagi dekat orang muda-muda. La ni projek kita buat kursus MyGap, kita buat kursus-kursus, kita tambah lagi pulak agropreneur muda dengan dalam agropreneurr muda itu ada bantuan-bantuan yang kita bagi, cara tu...

YB DATO' ISMAIL BIN KASIM : Sedikit sahaja Yang Berhormat... macam ni Yang Berhormat, saya bukan berniat mempertikaikan apa yang dibuat oleh Kerajaan, cuma memperbaiki apa yang sedia ada. Buah kita ni dia secara bermusim, bermusim dia datang sekali, kebetulan datangnya tiap-tiap kali masak, dia datang dalam bulan puasa. Sudah tentu permintaan agak menurun kerana bulan puasa ni tak ramai sangat orang yang nak makan buah, dan kita telah membuat ke arah nak menjadikan produk-produk lain seperti minuman dan sebagainya. Jadi benda ni berlaku berterusan dan ada suatu ketika kita sampai ada petani membakar dan sebagainya akibat penurunan harga mereka tak puas hati dengan harga, mereka hanya ada sekali sahaja iaitu masa yang paling penting untuk mereka mendapatkan harga yang bersesuaian dan pada masa yang cukup terhad. Bagaimana Kerajaan menguruskan semua ini? Kita ada agensi, kita ada FAMA dan sebagainya tapi belum tercapai hasrat yang sebenarnya yang dikehendaki dalam mengatasi kemelut yang berlaku ini. Walau Yang Berhormat kata tak cukup untuk pasaran tempatan, memang tak cukup, tetapi kita nak lihat benda yang lebih jauh. *Why not*, kenapa tidak? Dengan Tuhan bagikan dekat kita... *natures* di bumi Perlis yang indah ini, tanah yang subur, cuaca yang baik dan segala-galanya perlu dimanfaatkan dan melihat masa depan yang lebih bermakna kepada penanam-penanam Harumanis di Negeri Perlis ini.

YB TUAN NURULHISHAM BIN YAAKOB : Terima kasih YB Tambun Tulang, kita ambil perhatian. Cuma masalah yang dilaporkan tahun 2017 kot... oh 2018 yang kata bakar tu sebenarnya... saya sendiri pi memantau takda berlaku benda tu... cuma yang bakar tu buah yang rosak. Yang kedua tahun 2019 pun ada kata buah tak laku la apa, lambakan kan, sebenarnya bila saya hadir tempat tu saya pi tanya pekebun tu, dia kata dia *standby* takut buah tak habis. Jadi dia habaq kata buah lambak... sebenarnya tak lambak. Berkenaan dengan FAMA ni, FAMA dia cuma... selepas berlaku masalah petani-petani... penanam-penanam ni tak boleh nak jual buah, FAMA akan bantu pada harga yang ditetapkan bersama... tau dak... macam tulah keadaannya dari semasa ke semasa dan kita akan buat program-program ini sampai ke tahap kata petani ni dia boleh jual buah dia sendiri bukan nak harap kepada Kerajaan, tau dah kalau Kerajaan ni harga akan di tahap yang minima, yang orang kata tak boleh menguntungkan ataupun menjadi masalah kepada kita dan sekarang kebanyakan jualan-jualan buah ini dijual oleh orang biasa dan orang ramai ni, rata-rata tempat ada, cuma kita bantu dari semasa ke semasa sahaja. Dalam pemantauan kita, kita akan buat dari mula 'A' dari

sekarang ni kita dah atur dah dengan petani-petani kita bagi baja untuk berbunga dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

YB TUAN ASRUL NIZAN BIN ABD JALIL : Soalan tambahan Yang Berhormat Speaker...

YB SPEAKER : Saya minta Yang Berhormat masuk di dalam perbahasan nanti... 25 minit saya bagi esok. Dipersilakan Yang Berhormat Kuala Perlis mengemukakan soalan.

YB TUAN NOR AZAM BIN KARAP : Assalamualaikum, selamat pagi. Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

(Soalan 3 : Apakah jenis hutang-hutang Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan jumlahnya, serta berapakah jumlah hutang-hutang ini yang telah dibayar oleh Kerajaan Negeri semenjak tahun 2013?)

YAB MENTERI BESAR : Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Kuala Perlis. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga tahun 2019, jumlah pinjaman terkumpul Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM269.82 juta.

Sebelum itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon juga untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Guar Sanji.

(Soalan 4 : Sehingga tahun 2019, berapakah jumlah terkumpul pinjaman Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk melunaskan pinjaman-pinjaman tersebut?)

Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan ini sebenarnya terbahagi... hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan ini telah terbahagi kepada 4 kategori utama ataupun empat sektor utama. Pertamanya ialah Sektor Bekalan Air, Sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKENPs), Sektor Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) dan Sektor Pelbagai. Jadi bagi tempoh tahun 2013 sehingga 2019, jumlah hutang yang telah dibayar secara keseluruhannya adalah berjumlah RM30.68 juta. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, selain daripada bayaran berjadual yang dilakukan itu, untuk tahun 2019, sebanyak RM60.9 juta telah dibayar kepada Kerajaan Persekutuan melalui potongan yang telah dilakukan secara *off set*, bagi hutang Kerajaan Negeri yang biasanya diberikan dalam bentuk pendahuluan ataupun *advanced*. Jadi ini adalah juga sebahagian daripada usaha kita dalam... bagi Kerajaan Negeri untuk mengurangkan hutang-hutang yang masih lagi ada.

Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Sektor Bekalan Air sepertimana yang saya sebutkan tadi, 4 kategori itu ataupun 4 sektor itu masih lagi mempunyai hutang sebanyak RM15.10 juta, untuk Perbadanan... Sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis RM128.25 juta, Sektor PAKR... bukan PKR ya... *(sambil tersenyum)*... RM83.07 Juta dan Sektor Pelbagai RM43.40 Juta menjadikan jumlah kesemuanya sepertimana yang saya sebutkan tadi berjumlah RM269.82 juta. Dan pembayaran semula ataupun pembayaran balik pinjaman yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri adalah dibuat berdasarkan kepada kemampuan kewangan Kerajaan Negeri. Itu yang kita lakukan selama ini dan di masa yang sama bagi Sektor Perbekalan Air, kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana menghapus kira sejumlah RM140.5 juta dan kerana itulah baki Sektor Perbekalan Air telah berkurang kepada RM15.10 juta dan saya ingin memaklumkan bahawa usaha untuk menghapus kira hutang dari sektor bekalan air ini sebenarnya dilakukan lama, sejak daripada tahun 2015, saya masih ingat, walaupun Kerajaan yang terdahulu hampir-hampir nak meluluskannya tetapi tidak sempat sebab pilihanraya tetapi usaha ini telah diteruskan oleh

Kerajaan sekarang di mana RM140.5 juta telah pun dihapuskan. Itu adalah merupakan jumlah hutang sehingga kini yang masih lagi ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan jumlah hutang yang telah pun diselesaikan sejak 2013 sehingga 2019. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB TUAN NOR AZAM BIN KARAP : Soalan tambahan Dato' Speaker... terima kasih Dato' Speaker. Ini adalah jumlah RM269.38 juta adalah jumlah yang terkumpul daripada 2013. Adakah trend hutang ini meningkat semenjak 2013?

YAB MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Kuala Perlis, trend hutang ini dia sebenarnya *fluctuate*, dia tidak... kadang-kadang kita memerlukan perbelanjaan yang lebih disebabkan ada tuntutan-tuntutan yang baru dan kadang-kadang dia berkurang. Tetapi secara umumnya *trend* hutang ini adalah semakin menurun dan kalau kita tengok daripada jumlah baki hutang itu sendiri pun jelas menunjukkan dia telah berkurangan. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada usaha untuk mengurangkan hutang-hutang ini, kita juga cuba kurangkan jurang yang ada dengan meningkatkan *revenue* ataupun hasil Kerajaan Negeri dan juga telah berjaya kita lakukan di mana nanti di dalam pembentangan bajet 2020 saya akan menyentuh mengenai jumlah *revenue* yang telah berjaya kita tingkatkan sejak beberapa tahun yang lepas yang mana ini membantu untuk kita mengurangkan kebergantungan kita kepada Kerajaan Persekutuan, tetapi kita masih lagi belum dapat menghentikan kebergantungan kita sepenuhnya dan insyaAllah ini boleh berlaku dalam beberapa tahun yang akan datang sekiranya perancangan-perancangan yang kita lakukan ini membuahkan hasil dan dapat dilaksanakan, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB TUAN ASRUL NIZAN BIN ABD JALIL : Soalan tambahan Yang Berhormat Speaker, saya mohon pencerahan daripada YAB Bintong, YAB Bintong maklumkan jumlah hutang terkini sebanyak RM269 juta, sedangkan saya tengok dalam penyata akaun memorandum hutang awam Kerajaan Negeri sehingga 31 Disember 2018 berjumlah RM403.327 juta, jadi saya mohon penjelasan kerana tidak sama dengan yang ni. Terima kasih.

YAB MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat kepada kenyataan itu, atau apa yang didokumenkan itu, itu berakhir pada 31 Disember 2018. Ini adalah merupakan kedudukan terkini, tidak... angka itu tidak mengambil kira jumlah yang telah dihapus kira sepertimana saya sebutkan tadi di dalam Sektor Air dan sebab itu dilakukan dalam tahun 2019, begitu juga dengan sejumlah lagi hutang yang telah pun kita bayar dalam tahun 2019, sebab itu jumlah itu telah berkurang kepada RM269.82 juta. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB SPEAKER : Dipersilakan Yang Berhormat Sena untuk soalan.

YB TUAN ASRUL NIZAN BIN ABD JALIL : Yang Berhormat Speaker, soalan saya soalan nombor 6.

(Soalan 6 : Demi membangunkan sukan negeri, adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa yang bertindak sebagai badan penasihat kepada Majlis Sukan Negeri yang akan membantu dari sudut perancangan dan pembangunan sukan di negeri Perlis memandangkan kita mempunyai tokoh-tokoh sukan yang berkaliber yang boleh mencurahkan ilmu dan pengalaman mereka?)

YB TUAN HAMIZAN BIN HASSAN : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri memang bersedia dan juga terbuka untuk mewujudkan apa-apa sahaja Jawatankuasa sebagai badan penasihat kepada Majlis Sukan Negeri, tetapi walau bagaimanapun kita telah pun juga mempunyai beberapa jawatankuasa yang sedia ada dan juga jawatankuasa-jawatankuasa ini

juga telah berjaya menjalankan fungsi masing-masing dengan baik bersesuaian dengan keupayaan kewangan semasa Kerajaan Negeri. Bagi hal ehwal pentadbiran dan pengurusan adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Pengurusan Majlis Sukan Negeri dan Majlis Sukan Negeri Perlis sentiasa berusaha memantapkan sistem kawalan pengurusan dan perbelanjaan program pembangunan sukan negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Majlis Sukan Negeri Perlis dan ahli-ahlinya adalah terdiri daripada pemegang-pemegang taruh utama sukan di Negeri Perlis ini. Selain daripada itu, selain daripada hal ehwal pentadbiran dan pengurusan, bagi soal ataupun program-program pembangunan sukan pula, program-program ini adalah program-program yang telah disusun dan sentiasa berterusan dan dipantau serta dikawal selia melalui Mesyuarat Majlis Sukan Negeri yang mana ahli-ahlinya adalah terdiri daripada wakil-wakil persatuan negeri yang bernaung di bawah Majlis Sukan Negeri Perlis.

Selain daripada itu juga, bagi memantapkan program-program pembangunan sukan di bawah MSN, penyelarasan bersama turut kita buat dengan Majlis Sukan Negara Malaysia (MSNM) melalui program-program seperti Program Bakat Negeri, Program Pelapis Negeri, Program *Young Lions*, Program Elit Sukan Malaysia (SUKMA), Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP) dan juga lain-lain program pembangunan sukan. Program ini dikawal selia oleh Jawatankuasa Atlet dan Jurulatih (JKJA) dan Jawatankuasa Kerja (JKK) Sukan bagi setiap sukan. Jawatankuasa-jawatankuasa ini akan memantau dan membuat keputusan berkaitan prestasi semasa atlet dan jurulatih serta keberkesanan plan pembangunan sukan tahunan bagi setiap sukan di bawah program pembangunan sukan MSN Perlis. Ini merupakan proses *check and balance* yang dibuat bagi memastikan setiap program pembangunan berjalan secara sistematik dan berterusan. MSN juga sentiasa berkerjasama dengan tokoh-tokoh sukan negara yang masih bergiat aktif melalui persatuan sukan negeri serta yang masih bertugas sama ada bersama dengan agensi Kerajaan atau IPT. Penglibatan bekas-bekas atlet negara dalam program pembangunan sukan negeri sentiasa kita alu-alukan dan kita terima baik sama ada melalui perbincangan semasa mesyuarat jawatankuasa atau perbincangan dua hala. Sebahagian besar ahli Jawatankuasa yang dinyatakan saya tadi adalah terdiri daripada penggiat-penggiat sukan negeri yang berjuang membangunkan sukan negeri daripada awal pembangunan sukan melalui penubuhan persatuan, pencarian bakat baharu dan kemajuan sukan masing-masing sejak awal era 90-an lagi. Selain itu, sebahagian besar ahli Jawatankuasa ini mempunyai kelayakan sama ada dari segi teknikal yang disokong oleh pengesahan persatuan sukan kebangsaan dan antarabangsa. Dan ada juga di antara mereka yang mempunyai kelayakan dari segi sains sukan daripada Institut Sains Negara (ISN) dan institusi pengajian tinggi.

MSN juga melalui kerjasama dengan Yayasan Atlet Kebangsaan (YAKEB) juga sering menerima saranan dan bantuan melalui perkongsian pengalaman daripada bekas-bekas atlet kebangsaan walaupun ada antara mereka yang tidak lagi bergiat aktif dalam sukan. Dengan kerjasama MSN Malaysia juga kita sering menjalankan program *attachment* dan juga *engagement* bersama atlet kebangsaan dalam membantu atlet negeri untuk persediaan menyertai kejohanan di peringkat kebangsaan melalui perkongsian pengalaman dan teknikal selaras dengan aplikasi sains sukan. MSN Perlis, kita sentiasa terbuka dalam menerima sebarang bentuk cadangan daripada mana-mana tokoh sukan negeri sama ada melalui perbincangan dua hala, bengkel atau kaedah lain yang lebih berkesan dalam memastikan kepentingan sukan negeri dapat dimajukan. Sekian.

YB TUAN ASRUL NIZAN BIN ABD JALIL : Soalan tambahan Yang Berhormat Speaker, kita mengetahui bahawa skuad hoki Perlis telah menjuarai kejohanan hoki Piala Razak tahun 2019. Divisyen 2 pada perlawanan akhir kita memperolehi kemenangan 2-1 menentang Selangor pada 29 haribulan September yang lepas. Ini adalah kejohanan kedua pasukan hoki Perlis untuk divisyen kedua... kejuaraan kedua, kali pertama pada tahun 2017. Di atas kejayaan ini pasukan hoki Perlis akan bermain di divisyen satu pada tahun 2020. Jadi saya nak tahu

adakah ada suatu penghargaan daripada pihak Kerajaan Negeri terhadap pasukan hoki Perlis yang telah mengharumkan negeri Perlis, dan juga soalan yang kedua tentang kita tengok la ni ramai yang *jogging* sebelah malam dan lari di kawasan persekitaran Stadium Tuanku Syed Putra. Ada setengah kawasan tu gelap, jadi adakah pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk mencerahkan kawasan di sekeliling stadium Tuanku Syed Putra, terima kasih.

YB TUAN HAMIZAN BIN HASSAN : Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan pencapaian skuad hoki dalam kejohanan-kejohanan yang disertai, kita Kerajaan Negeri Perlis sentiasa menghargai... apa ni pencapaian-pencapaian atlet sama ada secara individu atau pun berpasukan dan pada kebiasaannya pada setiap tahun kita akan adakan satu majlis untuk menghargai pencapaian dan juga atlet yang mengharumkan nama Negeri Perlis, dan juga ini juga adalah termasuk juga dengan pasukan hoki. Selain daripada itu juga berkenaan dengan aktiviti berjogging pada waktu malam di dalam kawasan stadium, kita bersedia untuk mengadakan atau pun apa ni... memasang lampu ataupun perbaiki lampu di di kawasan-kawasan yang gelap dalam kawasan stadium dan insyaAllah kita akan berbincang dengan pihak MSN yang menguruskan kawasan stadium ini untuk kita tengok macam mana kita boleh lakukan untuk penambahbaikan terhadap pencahayaan lampu ini, terima kasih.

YB TUAN NOR AZAM BIN KARAP : Soalan tambahan Dato' Speaker... terima kasih Dato' Speaker... pertama sekali saya nak mengucapkan tahniah kepada seorang atlet kita daripada Perlis yang telah berjaya memenangi pingat emas di Sukan SEA di Filipina dalam acara *lawn ball*... perempuan... saya dimaklumkan. Soalan saya ada dua lah... Yang Berhormat Kayang. Pertama, baru-baru ni saya ada tengok paparan *facebook* Yang Amat Berhormat Bintang hadir ke perlawanan akhir liga M4 yang dianjurkan oleh PFA, Yang Berhormat Kayang pun ada bersama masa tu, kemudian selepas itu saya tengok ada GM untuk PFA, so saya berharap kalau boleh sama ada Yang Berhormat Kayang ataupun Yang Amat Berhormat Bintang boleh *put hands* di dalam isu pengurusan PFA ini sebab kita tengok PFA ini dah... dah banyak kali dah pengurusan daripada tahun lepas, sampai ke sekarang tak pernah selesai kemelut PFA ini. Kita ada penyokong yang ramai untuk bola sepak Perlis ini, kalau boleh jadikan PFA ini satu badan, satu NGO yang macam dulu balik, dia membantu untuk menggemilangkan balik Stadium Tuanku Syed Putra. Itu yang pertama... yang kedua tentang pada bola MPK Kuala Perlis, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 2019 ni, Yang Berhormat Ahli Parlimen Kangar telah memperuntukkan sebanyak RM50,000.00 untuk membaik pulih padang MPK Kuala Perlis dan Alhamdulillah sudah selesai baik pulih tersebut, dan padang ini sekarang ini setelah dijaga rapi oleh satu persatuan, satu NGO iaitu Kelab Sukan...

YB SPEAKER : Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat...

YB TUAN NOR AZAM BIN KARAP : Sat, nak tanya ni Yang Berhormat Dato' Speaker, kemudian apa nama ni... permohonan untuk menjaga padang MPK Kuala Perlis ini telah diajukan kepada pihak MPK tetapi sehingga sekarang masih belum mendapat maklum balas daripada pihak MPK sendiri, so saya nak... nak orang cakap... nak tanya lah... adakah Kelab ini tidak layak untuk menjaga apa nama ni... padang MPK tersebut sebab sepanjang mereka menjaga ni, ramai lah anak-anak muda yang banyak bermain bola di situ, berekreasi di situ dan pasukan bola KSR Kuala Perlis khasnya Kuala Perlis telah meningkat naik dan baru ni depa telah berjaya masuk ke Liga M3. Itu soalan saya Dato' Speaker, terima kasih.

YB TUAN HAMIZAN BIN HASSAN : Terima kasih Yang Berhormat Kuala Perlis, berkenaan dengan kemelut di dalam PFA dan juga Liga MF dan Liga M4, sebenarnya Kerajaan Negeri walaupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga saya tidak... apa ni... tidak... menguruskan secara langsung tetapi kita memberi sokongan di sebalik takbir... umpamanya bagi Liga M4, PFA ni pun adalah kerjasama dengan pihak PFA dan juga pihak Kerajaan Negeri yang mana pihak Kerajaan Negeri telah pun menyalurkan bantuan ataupun sumbangan dalam

bentuk kewangan berjumlah lebih kurang RM30,000.00 bagi membantu perjalanan Liga M4 tempoh hari. Berkenaan dengan kemelut di dalam PFA pula, saya dimaklumkan adalah berkenaan dengan lantikan Presiden PFA yang mana melalui Pesuruhjaya Sukan tidak mengiktiraf pelantikan presiden di dalam AGM dan sebaliknya FAM pohon supaya perlantikan Presiden ini dijalankan dalam Mesyuarat Agung biasa, dan ini dalam perhatian PFA dan juga FAM dan kita di pihak Kerajaan Negeri ini menerima sahaja siapa sahaja yang akan dipilih sebagai Presiden PFA dan sebagaimana biasa kita akan menyokong dan juga membantu sebagaimana yang telah kita lakukan sebelum ini. Dan berkenaan dengan padang bola sepak MPK di Kuala Perlis ini, saya juga ada menerima permohonan daripada Persatuan terbabit, dan juga saya juga telah memberi sokongan kepada pihak MPK untuk melihat dan juga menimbang permohonan persatuan tersebut, statusnya saya tidak pasti, nanti saya boleh dapatkan jawapan dalam sesi perbahasan nanti. Terima kasih Yang Berhormat.

YB SPEAKER : Dipersilakan Yang Berhormat Sena.... maaf... Indera Kayangan.

YB PUAN GAN AY LING : Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

(Soalan 7 : Bagaimanakah struktur keanggotaan, cara pemilihan dan perwakilan keanggotaan (pihak-pihak yang diwakili) dalam Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam Negeri Perlis?)

YAB MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Indera Kayangan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam Negeri Perlis sebenarnya ada dua (2) peringkat, yang pertamanya dikenali sebagai Jawatankuasa Teknikal Rumah Ibadat Bukan Islam dan yang keduanya adalah Jawatankuasa Induk Rumah Ibadat Bukan Islam. Dan dari segi keahliannya ialah seperti berikut, untuk Jawatankuasa Teknikal Rumah Ibadat Bukan Islam, Pengerusinya ialah Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan keahliannya terdiri daripada Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri atau sekarang ini ialah TSUK Bahagian Pembangunan dan ini perlu diperjelaskan kerana kita ada sedikit perubahan dari segi struktur di pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri itu sendiri. Selain itu Pengarah JPS, Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri, Pegawai Kemajuan Negeri Perlis, Pengarah JKR, Pengarah Plan Malaysia Negeri Perlis, YDP MPK, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pentadbiran Daerah, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perlis, Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Besar Perlis dan Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan selaku Urus Setia. Selain daripada keanggotaan yang bersifat berstruktur di atas, yang terdiri daripada wakil-wakil Jabatan dan Agensi, kita juga mempunyai ahli-ahli yang terdiri daripada wakil-wakil ketua kaum yang dijemput hadir berdasarkan kepada sesuatu kes ataupun permohonan yang dibuat oleh kaum-kaum yang berkenaan. Dan bagi keahlian Jawatankuasa Induk Rumah Ibadat Bukan Islam pula, keanggotaannya ialah seperti berikut, Menteri Besar Perlis selaku Pengerusi, keahliannya ialah Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Pegawai Undang-Undang Negeri, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri, Pegawai Kemajuan Negeri, Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Negeri, Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengarah Plan Malaysia, Pengarah Jabatan Saliran(JPS), Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Perlis, Pengurus Besar, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar dan Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan selaku Urus Setia dan selain daripada keanggotaan yang terdiri daripada di kalangan anggota pentadbiran dan Jabatan serta Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, wakil-wakil kaum yang berkenaan juga dijemput hadir untuk bersama-sama dalam Jawatankuasa ini apabila sesuatu mesyuarat itu diadakan terutama sekali apabila berkaitan dengan isu-isu yang dibangkitkan mengenai isu-isu agama yang dibangkitkan oleh sesuatu kaum itu. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB SPEAKER : Dipersilakan Yang Berhormat Kuala Perlis...

YB PUAN GAN AY LING : Soalan tambahan, sejauh mana kita tahu bagaimana pengaruh jawatankuasa-jawatankuasa dalaman membuat keputusan atas sesuatu permintaan daripada rumah ibadat bukan Islam, satu. Kedua ialah sejauh manakah dan siapakah wakil-wakil contohnya badan mana yang dijemput untuk mewakili kaum-kaum dalam mesyuarat-mesyuarat yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bintong, terima kasih.

YAB MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan sejauh mana pengaruh Ahli-Ahli Jawatankuasa, ini berkaitan dengan isu yang dibangkitkan, tidak ada isu berkaitan sejauh mana pengaruh, kesemuanya mempunyai maklumat, apa yang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa kedua-dua teknikal dan juga induk ini, adalah berdasarkan kepada kes dan kita mesti mempunyai maklumat-maklumat yang lengkap berkaitan dengan kes-kes ataupun permohonan-permohonan yang dikemukakan. Jadi tidak timbul soal siapa punya pengaruh lebih ataupun kurang, jadi pertimbangan dibuat berdasarkan kepada maklumat yang diterima ataupun permohonan yang diterima. Yang kedua berkenaan dengan siapa di kalangan wakil-wakil kaum ini biasanya kita menjemput ketua-ketua ataupun wakil-wakil daripada NGO-NGO agama yang berkenaan, seperti kaum cina misalnya, kaum india dan juga kaum siam. Saya tak boleh nak sebutkan nama kumpulan-kumpulan NGO ini, sebab namanya agak rumit untuk diingati tetapi memang saban kali kita mengadakan mesyuarat ini wakil-wakil daripada NGO-NGO agama ini dijemput sebagai wakil kepada kaum-kaum yang berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB SPEAKER : Dipersilakan Yang Berhormat Kuala Perlis.

YB TUAN NOR AZAM BIN KARAP : Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya, soalan nombor 8.

(Soalan 8 : Negeri Perlis atau khususnya Kuala Perlis terkenal dengan pelancongan makanan dan Negeri Perlis juga berpotensi untuk menarik minat pelancong untuk menikmati eko-pelancongan. Pelaburan daripada para pelancong yang datang ke Negeri Perlis ini amat bagus untuk ekonomi negeri. Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam mempromosikan Negeri Perlis kepada pelancong luar dan apakah langkah-langkah yang dibuat dalam menyelenggara dan memulihara tempat-tempat pelancongan sedia ada khususnya yang berkaitan dengan pelancongan makanan dan juga eko-pelancongan?)

YB PUAN ASMAIZA BINTI AHMAD : Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Perlis di atas soalan yang diberikan. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan nombor 11 daripada Yang Berhormat Sena.

(Soalan 11 : Sempena Tahun Melawat Malaysia 2020, apakah perancangan dan strategi Kerajaan Negeri dalam mempromosi produk-produk pelancongan sedia ada dan menambah produk-produk yang baru serta adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk mempromosi Perlis sebagai negeri "syurga makanan" yang sedap dan harga berpatutan di Utara Semenanjung?)

Kerajaan Negeri sememangnya menyedari bahawa elemen promosi memainkan peranan yang sangat penting bagi menarik lebih ramai pelancong hadir ke Negeri Perlis. Bagi meletakkan Negeri Perlis dalam radar pelancong domestik dan asing, Kerajaan Negeri sentiasa melaksanakan hebahan melalui media sosial seperti Facebook, Youtube dan lain-lain media

massa. Kerjasama melalui blogger, NGO serta penggiat Facebook seperti *Perlis Nature and Wildlife*, *Perlis Climbers*, *Perlis Permai*, *Perlis Aktif*, *Perlis Hikers* dan *Tourism of Perlis Official* serta banyak lagi telah berjaya meningkatkan kesedaran dalam kalangan para pelancong bahawa Perlis mempunyai pelbagai lokasi eko-pelancongan yang menarik untuk diterokai.

Penumpuan bagi kegiatan promosi akan diberikan kepada sektor pelancongan eko dan juga produk-produk sedia ada di Perlis seperti Gua Kelam dan juga produk-produk agro pertanian terutamanya Harumanis. Perhatian juga turut diberikan kepada pelaksanaan aktiviti promosi bagi tarikan pelancongan yang lain di Perlis. Kerajaan Negeri secara dasarnya telah bersetuju menjadikan tahun 2021 sebagai Tahun Melawat Perlis. Langkah-langkah strategik sedang diambil untuk menjayakan TMP 2021 dalam acuan dan keupayaan kewangan Negeri. Pihak Kerajaan Negeri turut mempromosikan Negeri Perlis melalui pelbagai medium seperti pertamanya Kerajaan Negeri buat pertama kalinya telah menyertai pameran *MATTA Fair* pada 6 hingga 8 September 2019 di PWTC Kuala Lumpur dan buat pertama kalinya salah satu agensi... *travel agency* daripada Perlis telah berjaya menjual pakejnya berjumlah RM75,000.00, dan yang kedua, penerbitan artikel dalam Majalah Santai Travel edisi 82/2019, dan yang ketiganya, mempromosikan Perlis melalui Malaysia 2 Go dalam Reiselust 2019 *International Holiday Fair* di Bremen, Jerman, yang keempat penerbitan artikel melalui Blog Majalah Libur pada 12 November 2019. Dan selain itu, Negeri Perlis juga turut menjadi tumpuan pelancong kerana keunikan dan kepelbagaian makanan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sentiasa mengingatkan Jabatan ataupun Agensi yang berkaitan agar melakukan pemeriksaan berkala seperti pemeriksaan kebersihan, pemeriksaan kesihatan serta melakukan pemantauan harga di premis-premis makanan di sekitar Perlis bagi menjaga imej Negeri Perlis sebagai destinasi pelancongan makanan.

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 383 premis perniagaan makanan telah dibuat pemeriksaan dan penggredan. Ini juga adalah usaha berterusan bagi meningkatkan tahap kebersihan dan mempromosikan kedai-kedai makanan di sekitar Perlis. Pada masa yang sama, usaha-usaha mempromosikan makanan Perlis juga sememangnya giat dilaksanakan dari semasa ke semasa. Dan kita bersyukur dan bertuah kerana Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis sentiasa mengadakan promosi makanan Perlis sempena lawatan kerja Baginda ke luar negara. Di samping itu juga, penyertaan dalam program-program anjuran Kementerian Pertanian, Kementerian Pelancongan dan lain-lain agensi turut mempromosikan kepelbagaian makanan di Negeri Perlis. Kerajaan Negeri juga tidak melupakan aspek penyelenggaraan produk ataupun lokasi pelancongan sedia ada di sekitar Perlis. Bagi tahun 2019, sebanyak RM1.58 juta telah diperuntukkan kepada jabatan berkaitan untuk menyelenggara lokasi-lokasi pelancongan sedia ada seperti Ladang Tanaman Eksotik, Pusat Agrolancong Batu 20, Taman Eko Rimba Bukit Ayer, Taman Negeri Perlis, Gua Kelam 1 dan Taman Rekreasi Tasik Melati. Kerajaan Negeri juga sentiasa mengalu-alukan cadangan oleh pihak swasta dalam memajukan aktiviti eko-pelancongan di Negeri Perlis.

Untuk makluman sidang yang mulia di dalam Dewan ini, di samping itu, Pejabat Tourism Malaysia Wilayah Utara juga melalui Pejabat Penerangan Pelancongan Kangar turut melaksanakan usaha-usaha seperti pertamanya mengadakan program *networking* bersama-sama penggiat industri Wilayah Utara mengikut zon iaitu Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis sendiri dalam memperkenalkan produk-produk baharu yang terdapat di negeri-negeri tersebut dengan memberi peluang kepada pengusaha produk untuk mempromosikan produk mereka. Dan yang kedua bekerjasama dengan agensi-agensi pelancongan dan hotel-hotel di Perlis bagi mengemaskini pakej-pakej pelancongan sedia ada serta menghasilkan pakej-pakej khas yang lebih menarik. Ketiga, menambah penyertaan agensi-agensi pelancongan Perlis dalam pameran-pameran pelancongan utama dalam negara seperti *MATTA Fair 2019 dan B2B Travel Fair 2019*. Melaksanakan lebih banyak program suai kenal produk pelancongan Perlis kepada media di seluruh negara bagi mendapatkan publisiti yang optimum. Kelima, penyebaran

maklumat pelancongan Negeri Perlis yang lebih meluas terutamanya melalui *online* di laman sesawang *Tourism Malaysia* dan aplikasi mudah alih, contohnya *e-Brochure*. Keenam, mengatur lebih banyak penyertaan media dalam setiap acara yang dianjurkan oleh *Tourism Perlis* dan Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Perlis. Dan yang ketujuh, melibatkan pemain industri pelancongan dari Negeri Perlis dalam misi galakan ke luar negara dimana para pengusaha pelancongan tempatan berpeluang untuk berjumpa dan memperkenalkan pakej-pakej istimewa kepada pengusaha pelancongan di negara yang dilawati khususnya bersempena dengan Tahun Melawat Perlis 2021 seperti yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri. Dan yang akhir turut mempromosikan acara *9th World Cup Woodball Championship 2020* di mana Perlis akan menjadi tuan rumah bagi kejohanan tersebut. Dan memandangkan Perlis telah tersenarai antara lokasi atau pun negeri pilihan bagi pencinta makanan kerana kepelbagaian makanan yang unik dan mudah diperolehi, *Tourism Malaysia* juga giat membuat hebahan aktiviti dan lokasi makanan laut di Negeri Perlis dalam risalah-risalah berkaitan sepertimana menggunakan media massa dan digital, terima kasih.

YB TUAN NOR AZAM BIN KARAP : Soalan tambahan Dato' Speaker, terima kasih Dato' Speaker, tadi Yang Berhormat Chuping ada menyatakan ada satu agensi berjaya menjual pakej bernilai RM75,000 ketika *MATTA Fair* yang lepas, boleh saya dapatkan nama *travel agency* tersebut, pakej yang dijual, sama ada di dalam negeri atau di luar negeri. Kita tahu sebab Perlis ni takut *travel agency* tu mai daripada Kuala Perlis, takut dia jual pakej ke Langkawi, kalau boleh kita nak dia jual pakej yang ada dalam Perlis dan saya terkejut dengan nilai RM75,000 tu dia jual. Kalau boleh saya nak dapatkan nama *travel agency* tu *so that* kita pun boleh sama-sama membantu mewar-warkan... *travel agency* ni dia ada... ada menyediakan pakej pelancongan di dalam negeri. Terima kasih Dato' Speaker.

YB PUAN ASMAIZA BINTI AHMAD : Terima kasih soalan tambahan daripada YB Kuala Perlis, sebenarnya *travel agency* ni juga memang asalnya dari Perlis, dan nama dia Unic Astana dan memang hari tu dia menjual, memang dia ada pakej-pakej lain juga, tapi hari tu dia hanya menjual pakej yang ada di Negeri Perlis, terutama sekali dia mempromosikan untuk pakej makan Harumanis tahun depan. So inilah yang dia berjaya menjual pakej itu iaitu sebanyak RM75,000 pada hari tersebut... 3 hari tu... terima kasih.

YB DATO' ISMAIL BIN KASIM : Soalan tambahan juga... kita sedar bahawa negeri kita ni ada kepelbagaian dalam kulinari, makanan dan hasil-hasil yang dihasilkan oleh nelayan, petani dan sebagainya. Kita hendak negeri ini jadi macam Negeri Sabah yang mana kuliner hasil makanan yang menarik ini menjadi minat setiap kali pelancong-pelancong datang sama ada pelancong domestik atau pun *international*, mereka akan datang beli... syarat wajib mereka untuk bawa pulang dan sebagainya. Saya nak tanya Yang Berhormat, a... tempat-tempat jualan khusus kerana kalau tengok pelancong yang datang ke Perlis ini dia berakhir... *the end* dia Padang Besar. Padang Besar sudah tentu ia membeli produk ataupun kuliner-kulinar daripada Thailand. Jadi kita sebenarnya tidak memanfaat macam Sabah dan Sarawak, kalau mereka beli, mereka dah tahu dah... hasil laut di Sabah, di Sarawak ada hasil laut, kek lapis dan sebagainya ini menjadi terkenal. Jadi kuliner-kulinar yang kepelbagaian yang menarik, yang mempunyai rasa yang boleh diketengahkan di peringkat *international* sepertimana Yang Berhormat katakan tadi, Duli Teramat Mulia Tuanku Raja Muda pun sering mengadakan promosi di hotel-hotel tempatan dan di luar negara. Jadi perkara-perkara ini perlu dirancang dan diperluaskan lagi, dan apakah usaha Kerajaan untuk menyediakan satu tempat khusus bagi menyediakan hasil-hasil kuliner makanan dan apa-apa yang boleh menjadi buah tangan dibawa pulang oleh pelancong domestik dan tempatan? Terima kasih Dato' Speaker.

YB PUAN ASMAIZA BINTI AHMAD : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tambun Tulang... sebagaimana yang kita sedia maklum, tempat-tempat yang kepelbagaian makanan yang saya sebut tadi ni adalah di Kuala Perlis, makanan laut kita, dan terutama sekali kalau

makanan yang selalu orang sekarang... sebab sekarang pelancong-pelancong yang datang ini ada dua dia punya ni... melalui KTM dan juga melalui sendiri, kereta dan kita tak boleh nak agak dia orang ni nak ke mana... sebab Perlis ni ada yang dalam negeri ni dia boleh mai dan dia balik dan dia makan merata-rata, dan kita memang ambil maklum dan Kerajaan Negeri pun telah berusaha untuk adakan *port-port* yang menarik untuk kita war-warkan seperti di Kurung Tengar dan sebagainya tempat-tempat yang kita akan sediakan selepas ini. Jadi itulah dan sekarang ini pun kalau kata kita nak tiru macam Sabah, terutama sekali di Kuala Perlis lah... makanan laut yang kita sediakan, yang tidak sama seperti tempat-tempat lain. Itu sahaja, terima kasih.

YB SPEAKER : Dipersilakan Yang Berhormat Guar Sanji, soalan...

YB TUAN MOHD RIDZUAN BIN HASHIM : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi alhamdulillah ni baru bangun nak bertanya soalan. Lama dok dalam Dewan sejuk... tetapi alhamdulillah hadir juga walaupun sejuk... soalan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya yang ke-9.

(Soalan 9 : *Berapakah jumlah lebihan agihan zakat kepada golongan asnaf bagi setiap tahun bermula 2016 hingga kini?*)

YB TUAN RUZAINI BIN RAIS : Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, dan terima kasih Yang Berhormat Guar Sanji. Pengurusan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, ataupun lebih dikenali sebagai MAIPs amat insaf dan menyedari akan tuntutan serta tanggungjawab agar agihan dana zakat dilaksanakan dengan sebaik mungkin kepada 8 golongan asnaf yang berkelayakan berdasarkan hukum syarak. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya tidak wujud istilah 'lebihan agihan zakat' memandangkan dana zakat MAIPs telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak MAIPs selaku amil yang menguruskan agihan zakat. MAIPs sentiasa mengutamakan keperluan untuk perancangan yang teliti, agar pengagihan zakat MAIPs menepati maqasid dan matlamat agihan zakat seperti yang ditentukan oleh syarak. Pelbagai inisiatif yang telah dan sedang dirancang oleh Pengurusan MAIPs iaitu melibatkan pengagihan jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk manfaat golongan asnaf, pendidikan, dakwah, kesihatan, perumahan dan penempatan. Dalam hubungan itu, pengurusan MAIPs sentiasa dipandu oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang dibentuk di bawah MAIPs untuk memberikan sumbang saran dan nasihat ke arah pengagihan zakat yang tulus, efektif dan mencapai maksud. Pengagihan zakat oleh pihak MAIPs selaku 'ulil amri' adalah dilaksanakan dengan keputusan Mesyuarat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Perlis yang dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis dan diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis, selari dengan kehendak dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006. Sekian.

YB TUAN MOHD RIDZUAN BIN HASHIM : Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Beseri di atas selaku Exco Agama yang telah memberi penjelasan berkaitan dengan lebihan agihan zakat. Saya ada terbaca Laporan Audit Negara berkaitan dengan pendapatan dan juga lebihan zakat ini yang saya tengok pendapatan tu lebih kurang ratusan juta dan juga lebihan RM130 juta lebih yang ada setiap tahun ataupun yang terkini tu 2018. Jadi apakah di situ pernyataan itu tidak benar ataupun ada maksud lain, pertama. Yang kedua, saya nak tahu juga berkaitan dengan baru-baru ini Yang Arif... Dato' Arif Perkasa Mufti telah maklumkan kepada kita semua bahawa Perlis adalah satu-satunya negeri yang telah memberi zakat kepada *non-muslim*, sehingga kini dah dua tahun berlarutan sehingga kini berapa jumlah yang telah diberikan kepada *non-muslim*. Sekian, terima kasih.

YB TUAN RUZAINI BIN RAIS : Terima kasih Yang Berhormat Guar Sanji, seperti yang telah saya maklumkan tadi, sebenarnya tidak wujud istilah lebih agihan zakat, cuma mungkin daripada sudut perakaunan ataupun dari segi audit, hal itu kita perlu lihat secara lebih *detail* lagi lah. Cuma kalau soalan yang berkaitan sumbangan untuk zakat kepada *non-muslim*... konsep dia macam ni... konsep dia *non-muslim* itu yang berjinak-jinak dalam untuk memasuki Islam, dia tidak wujud kita bagi sumbangan zakat kepada orang yang bukan Islam, contohnya kalau kita lihat ketika berlaku ribut baru-baru ini, ada juga rumah *non-muslim* yang terkena ribut, jadi pihak MAIPs mendapatkan maklumat bahawa mereka yang perlu menerima bantuan adalah perlu berjinak-jinak ataupun yang hampir untuk memeluk agama Islam. Jadi untuk urusan ini pihak MAIPs telah melantik satu NGO iaitu *One Centre* untuk memantau dan mengambil maklumat terhadap mereka-mereka yang berjinak dipanggil mualaf lah... mualaf ini sebenarnya orang-orang yang berjinak untuk menganut agama Islam. Sekian.

YB TUAN MOHD RIDZUAN BIN HASHIM : Emm...

YB TUAN ASRUL NIZAN BIN ABD JALIL : Yang Berhormat Speaker, soalan tambahan....

YB SPEAKER : Saya minta masuk dalam perbahasan nanti. Dipersilakan Yang Berhormat Tambun Tulang untuk soalan.

YB DATO' ISMAIL BIN KASIM : Terima kasih Dato' Speaker, soalan nombor 10.

(Soalan 10 : Apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menambah pendapatan petani dan nelayan di Perlis?)

YB TUAN NURULHISHAM BIN YAAKOB : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Tambun Tulang. Soalan pertanian ni panjang sikit jawapannya sebab bawah pertanian ni banyak agensi yang terlibat. Jabatan Pertanian Negeri Perlis telah melaksanakan program-program pembangunan pertanian melibatkan program peningkatan hasil dan insentif amalan teknologi. Insentif yang disediakan ini ialah dalam bentuk input pertanian, menaik taraf infrastruktur, peralatan dan inovasi, teknologi pertanian serta khidmat latihan yang berterusan untuk meningkatkan pendapatan petani. Di bawah peruntukan pembangunan Negeri Perlis tahun 2019, Jabatan Pertanian telah menjalankan 7 buah program atau projek yang melibatkan keluasan 1,202.82 hektar dengan jumlah peserta seramai 2,155 orang dengan peruntukan sebanyak RM2.39 juta. Di antara program atau projek yang dijalankan adalah Peningkatan Pengeluaran dan Produktiviti Tanaman Secara Pakej yang meliputi tanaman-tanaman seperti padi, sayuran, buah-buahan, kelapa dan herba serta produk-produk asas tani, kraftangan dan produk-produk sampingan. Di bawah peruntukan pembangunan Persekutuan tahun 2019 pula, Jabatan Pertanian telah menjalankan 15 program atau projek yang melibatkan keluasan 1,016.32 hektar dan jumlah peserta seramai 56 orang dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM1.96 juta. Di antara program dan projek yang dijalankan adalah bantuan peningkatan pengeluaran sayur-sayuran, tanam semula buah-buahan terpilih, projek ekonomi gantian tembakau, pembangunan kluster tanaman mangga Harumanis, bunga dan tanaman hiasan, tanaman kontan, tembikai dan pisang, pembangunan usahawan industri asas tani, program agropreneur muda dan lain-lain lagi. Jabatan Pertanian Negeri Perlis juga memberikan perkhidmatan pengembangan pertanian dan khidmat nasihat di 7 kawasan perkhidmatan iaitu di Titi Tinggi, Chuping, Padang Siding, Mata Ayer, Beseri, Paya dan Bintong serta kawasan MADA. Bagi tanaman Harumanis, perkhidmatan pengembangan melibatkan keluasan sebanyak 1,409.95 hektar dengan jumlah petani seramai 2,280 orang.

Selain itu, Jabatan Pertanian Negeri Perlis juga memantau pembangunan industri tanaman padi bagi kawasan Luar MADA. Jabatan telah mewujudkan 36 projek padi secara berkelompok dengan keluasan 3409.68 hektar dan sebanyak 3 projek sawah gemilang telah diwujudkan

pada tahun ini dengan keluasan 397.29 hektar. Pewujudan projek padi ini adalah bagi memudahkan penyaluran maklumat, insentif dan khidmat nasihat teknikal oleh pegawai pengembangan dalam mencapai sasaran pengeluaran hasil 5.1 tan per hektar. Jabatan Pertanian juga merancang dan melaksanakan kursus atau bengkel pada setiap tahun bagi meningkatkan pengetahuan, penyampaian teknologi baru dan terkini dan pementapan modal insan. Sehingga Oktober 2019, sebanyak 56 kursus telah dianjurkan bagi membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran petani, antaranya Kursus Pengawasan Dan Ramalan Tanaman Padi, Kursus *Integrated Pest Management* (IPM) Projek Sawah Gemilang, Kursus *Integrated Pest Management* (IPM) Mangga Harumanis, Kursus *Integrated Pest Management* (IPM) Tanaman Cili, Kursus Kawalan Bunga Dan Putik Mempelam, Kursus Kod Keselamatan Dan Membalut Buah, Kursus Pasca Lepas Tuai, Kursus Pemangkasan Mempelam, Kursus Aruhan Bunga, Kursus Agronomi Tanaman Sayuran, Kursus Teknologi Penyediaan *Plant Booster* dan Kursus Kaedah Tanaman Sayuran Secara Fertigasi.

Di samping itu, Lembaga Pertubuhan Peladang juga bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam usaha membantu meningkatkan pendapatan petani. Antara usaha-usaha yang dijalankan LPP ialah mewujudkan Pusat Pengumpulan dan Pengedaran. Pusat pengumpulan hasil pertanian diwujudkan untuk memastikan lambakan hasil pertanian yang tidak boleh dijual, dikumpulkan dan diproses sebagai produk hiliran. Pertubuhan Peladang Kawasan Paya mengendalikan urusan ini dengan membeli hasil pertanian daripada petani seperti buah-buahan yang akan diproses beberapa peringkat bagi menghasilkan produk *cips*, iaitu makanan kering yang dijadikan snek. Bagi mempelam Harumanis, PPK memproses buah ini untuk dijadikan kordial dan minuman yang sedia diminum. Di samping mengelakkan lambakan hasil pertanian, ia secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan pendapatan para petani. Selain itu, ia juga membuka peluang pekerjaan kepada para petani kerana ada sesetengah proses untuk menghasilkan produk hiliran ini adalah secara manual dan menggunakan tenaga manusia. Peluang pekerjaan ini secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan pendapatan para petani.

Pameran Pertanian dan AgroPelancongan (MAHA) dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan, MAHA adalah antara platform Kerajaan Negeri untuk mengetengahkan produk hiliran di Perlis ke luar negeri. Di sini produk yang diusahakan di Perlis dibawa untuk dipromosikan dan di jual kepada rakyat Malaysia dan juga warga asing memandangkan MAHA adalah hab pertanian dan Industri Asas Tani untuk pelabur asing dan persendirian. Bagi program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan, ia juga merupakan platform terbaik dalam usaha para petani mempromosikan produk mereka kepada masyarakat setempat. Kerajaan Negeri selaku penganjur utama sentiasa menggalakkan para petani untuk turut serta menyertai Hari Peladang, Penternak dan Nelayan. Selain untuk mempromosikan produk, ia adalah tempat terbaik petani mengenalpasti pembeli berpotensi yang dapat membantu melonjakkan pendapatan mereka. Latihan dan Kursus, LPP juga menganjurkan kursus-kursus seperti pembungkusan, pelabelan dan penggunaan bahan aditif dalam makanan bagi memastikan usahawan dapat mengeluarkan produk yang memenuhi kehendak pasaran. Bagi golongan muda atau usahawan “Agropreneur”, kursus dan latihan yang diberikan adalah seperti penyediaan rancangan perniagaan, kursus *marketing* secara *online*, kursus teknikal bagi tanaman, ternakan dan IAT. Geran atau pembiayaan percuma khususnya kepada golongan petani muda di bawah umur 40 tahun turut disediakan.

Program yang diberi nama *In Kind Contribution* atau IKC adalah salah satu daripada usaha kerajaan dalam membantu para petani produk hiliran meningkatkan kualiti produk dan mempelbagaikan produk mereka melalui peralatan dan teknologi yang bersesuaian. Di bawah program ini, pembiayaan percuma bagi pembelian mesin dan peralatan, naik taraf premis dan belian input dan lain-lain yang bersesuaian dengan projek yang diusahakan. Pihak MADA juga melaksanakan pelbagai program sebagai usaha menambah pendapatan petani sama ada

dalam bidang padi dan juga bukan padi. Program Khusus Tanaman Padi, Pelaksanaan Projek Pemacu Pertanian (PPP EPP10): Pengukuhan dan Peningkatan Pengeluaran Padi di Kawasan Muda bagi membolehkan pengurusan sawah dilaksanakan secara estet. Pendekatan penanaman ke arah skala besar ini mampu meningkatkan hasil kerana pengurusan aktiviti ladang dilaksanakan mengikut jadual dan seragam. Melalui Projek PPP ini juga, pembangunan tersier ke atas blok pengairan di sawah padi turut dilaksanakan. Di Negeri Perlis, satu (1) blok pengairan telah siap dibangunkan iaitu Blok ARBD 3 manakala kerja-kerja pembinaan sedang dilaksanakan di Blok ARBD 1c. Sepanjang tempoh 2020 sehingga 2025, pihak MADA merancang membangunkan sembilan (9) blok pengairan di negeri Perlis iaitu lima (5) blok di Parlimen Arau dan empat (4) blok pengairan di Parlimen Kangar. Pembangunan infrastruktur tersier ini akan memberi manfaat kepada kepadatan infrastruktur yang lebih tinggi selain daripada manfaat pengurusan air yang cekap.

Pihak MADA sentiasa mengadakan pelbagai program berteraskan pengembangan bersama peladang dalam memastikan peladang sentiasa peka terhadap isu dan masalah semasa yang sedang dihadapi seperti serangan perosak dan penyakit, pengairan dan saliran dan teknologi terkini yang boleh digunakan oleh pesawah. Program Bukan Padi oleh MADA ialah Program Agropreneur Muda bagi menggalakkan golongan belia menceburi bidang keusahawanan. Golongan yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun diberikan bantuan menjalankan projek ekonomi berasaskan pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan dan sebagainya dengan nilai bantuan di antara RM 10,000 sehingga RM 20,000 tertakluk kepada keperluan. Sehingga kini, terdapat seramai 78 orang usahawan agropreneur muda di bawah bimbingan MADA Negeri Perlis. Program Pembangunan Usahawan Tani MADA melalui komponen Peningkatan Keupayaan Pengeluaran dan Pembangunan Produk dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan keupayaan usahawan di bawah seliaan MADA. Di antara skop yang terlibat di dalam pelaksanaan program ini meliputi perolehan mesin dan peralatan (Program Change & Upgrade Product (CUP)), kajian nutrisi dan jangka hayat, persijilan halal, reka bentuk pembungkusan dan pelabelan serta pembangunan modal insan.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) juga melaksanakan beberapa strategi bagi meningkatkan pendapatan nelayan seperti berikut. Yang pertama Pasar Nelayan, program ini bertindak sebagai serampang dua mata yang mana ianya memberikan peluang kepada nelayan untuk memasarkan hasil tangkapan mereka secara terus kepada pelbagai peringkat pengguna. Secara tidak langsung, Pasar Nelayan ini dapat memendekkan rantai pemasaran supaya nelayan memperoleh margin pulangan harga yang lebih baik dan menguntungkan manakala pengguna mendapat bekalan ikan segar pada harga yang berpatutan. Di Negeri Perlis, sehingga tahun 2018, sebanyak 2 buah Pasar Nelayan telah dibina/dikelolakan oleh 2 buah Persatuan Nelayan dan telah memberi manfaat kepada seramai 155,000 orang. Bagi membantu nelayan ke laut untuk menangkap ikan, LKIM ada menyediakan kemudahan pinjaman mudah Dana Nelayan bertujuan untuk membolehkan nelayan membeli bot dan peralatan baru atau meningkatkan keupayaan bot sedia ada, pinjaman modal operasi, pinjaman kecemasan untuk nelayan dan modal pusingan pemasaran untuk Persatuan Nelayan. Beberapa skim pinjaman telah diwujudkan iaitu Skim Pinjaman Pembangunan Institusi Nelayan (SPIN), Skim Pinjaman Nelayan Komersial (SNEK), Skim Pinjaman Nelayan Enjin Dalam (SNED), Skim Pinjaman Nelayan Pantai (SNEP) dan Skim Pinjaman Dana Nelayan Transformasi. Sehingga kini, seramai 75 orang nelayan dan 2 buah Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) di Negeri Perlis telah mendapat manfaat daripada Program Dana Nelayan ini dengan jumlah pinjaman sebanyak RM1,295,385.18.

Program *Touchpoint* Akuakultur, galakan kepada nelayan untuk menceburi bidang akuakultur sebagai alternatif lain bagi membantu meningkatkan pendapatan mereka. Antara aktiviti ternakan ikan dan udang yang dijalankan adalah seperti ternakan dalam sangkar, ternakan dalam kolam serta ternakan dalam tangki. Bantuan diberi di dalam bentuk *in-kind* seperti

peralatan ternakan, makanan ternakan serta pembekalan benih ternakan. Bagi Negeri Perlis pada tahun 2018, permohonan 2 orang penternak telah diluluskan dan telah menerima bantuan yang memperuntukkan bantuan RM40,000.00. Insentif Hasil Tangkapan Ikan (IHTI), Program ini telahpun bermula sejak tahun 2008 dan masih diteruskan sehingga kini iaitu pada kadar RM0.10 per kg bagi zon A, B dan C tertakluk kepada had maksimum bayaran mengikut zon. Sehingga Mei 2019, sebanyak RM449,488.31 telah disalurkan kepada 490 orang pemilik vesel melibatkan 9,523,285.24 kg pendaratan ikan. Program Pembangunan Usahawan Bimbingan (PUB) LKIM, pada tahun 2019, sebanyak 200... 200 pulak... banyak... pasal tengok YB Azam Karap, tu habaq kata banyak. Pada tahun 2019, sebanyak 2 orang usahawan Negeri Perlis telah diluluskan permohonan di bawah program ini. Program Geran Pemadanan... Program Geran Pemadanan *Change Upgrade Product (CUP)*, 1 permohonan berjumlah RM20,000.00 telah diluluskan, Geran Pemadanan *High Impact Product (HIP)*, yang ketiga Program Agroprenuer Muda, 5 permohonan telah dibuat dengan peruntukan berjumlah RM70,000.00 dan 2 permohonan telah diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM30,000.00.

Selain itu, Jabatan Perikanan Negeri Perlis juga telah melaksanakan beberapa program antaranya aktiviti kepada kumpulan sasar menerusi peruntukan persekutuan yang diterima pada tahun 2019. Antaranya bagi nelayan laut, sebanyak RM123,000 disalurkan kepada kumpulan nelayan laut menerusi Komuniti Perikanan (myKP) iaitu myKP Kuala Sanglang, myKP Timah Tasoh dan myKP wanita (isteri-isteri nelayan) bagi program Bantuan *Touch Point* yang berupa pelbagai input dan peralatan keselamatan di laut seperti *walkie talkie*, lampu keselamatan, GPS, *head light*, pukot, tong insulasi, sejumlah RM300,000.00 dibelanjakan untuk membina dan melabuhkan 14 buah tukun tiruan di perairan Negeri Perlis untuk dimanfaatkan kepada nelayan-nelayan Perlis. Bantuan sebanyak RM50,000 kepada myKP yang menjalankan aktiviti bengkel Pembaikan enjin, membina bot gentian kaca dan peralatan pemprosesan produk seperti ikan kering, belacan dan pekasam. Bantuan dalam bentuk kursus kemahiran juga telah diberikan kepada komuniti nelayan. Seramai 21 orang nelayan terlibat dalam kursus pembaiki enjin sangkut dan 16 wanita di kalangan anak dan isteri nelayan terlibat dalam kursus memproses hasil ikan seperti keropok lekor, otak-otak dan *fish ball*.

Bagi Nelayan Darat, bagi meningkatkan hasil perikanan darat, Jabatan Perikanan turut menyediakan sejumlah RM109,050 yang memberikan manfaat kepada lebih 51 orang nelayan. Bantuan ini merangkumi RM40,000 untuk perolehan benih-benih ikan atau udang untuk aktiviti pelepasan benih ikan ke perairan umum, RM 20,000 untuk menaiktaraf kemudahan-kemudahan seperti gazebo, kerusi batu, papan tanda, di santuari ikan air tawar di Empangan Timah Tasoh, RM20,000.00 untuk program inventori ikan dan promosi di Santuari Timah Tasoh dan RM29,050.00 untuk pemasangan sistem solar untuk aktiviti myKP Tasoh. Sejumlah 5... 22 orang nelayan darat tulen juga menerima elaun sara hidup sejumlah RM200.00 sebulan. Sejumlah RM52,800.00 juga diserahkan kepada 24 orang nelayan tulen di sekitar empangan ini. Bagi penternak akuakultur, sejumlah 13 pengusaha akuakultur yang menerima bantuan input, peralatan ladang, makanan ternakan yang bernilai keseluruhan RM87,023.40. Bantuan ini disalurkan kepada seorang pengusaha ikan air tawar menerusi Bantuan *Touch Point* berjumlah RM27,623.40. Manakala selebihnya 12 orang penternak ikan hiasan menerima bantuan berjumlah RM60,000.00 untuk meningkatkan pengeluaran dan keupayaan ikan laga hiasan. Dalam usaha meningkatkan pengeluaran eksport ikan akuakultur atau marin, peruntukan berjumlah RM15,000 telah disalurkan untuk persampelan ikan bagi tujuan keselamatan ikan manakala RM30,000.00 untuk meningkatkan infrastruktur dan keperluan pensijilan MyGAP. Sekian.

YB DATO' ISMAIL BIN KASIM : Sedikit sahaja soalan tambahan... sedikit sahaja... terima kasih Yang Berhormat, saya sebenarnya memuji cuma saya terobsesi sedikit tentang kita ni program kita buat berbagai tetapi kita lupa bahawa import makanan negara sekarang telah meningkat RM40 bilion. Tidak boleh diselitkan program-program lain sepertimana tanaman

sampingan di luar rumah, yang tidak memerlukan saiz tanah yang besar seperti penanaman cili, sayuran, kelapa dan lain-lain dalam jangka panjang yang kebanyakannya kita import dalam keadaan kalau difikirkan memang tak munasabah dengan keadaan bumi negara kita yang cukup makmur ini. RM40 bilion tu besar Yang Berhormat. Kalau kita tak ambik langkah-langkah daripada sekarang, kita masih meletakkan kebergantungan kepada import, sudah tentu akan menjadi sesuatu yang agak teruk terutama di negara kita sekarang, dalam keadaan yang agak tidak menentu dari segi pertumbuhan ekonomi KDNK dan sebagainya dalam tempoh suku kedua dan sebagainya. Terima kasih Dato' Speaker.

YB TUAN NURULHISHAM BIN YAAKOB : Terima kasih, kita ada buat cadangan pihak negeri cuma kita nak tunggu kelulusan daripada Pusat.

YB TUAN NOR AZAM BIN KARAP : Sedikit Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker... untuk maklumat Dewan yang mulia ini, sekarang ini di kawasan perairan Kuala Perlis dan Perlis amnya ada satu projek pengorekan, mendalamkan muara sungai. Semalam saya diketemukan dengan nelayan-nelayan pesisir pantai Kuala Perlis, depa datang ke pejabat saya dan mengadu berkenaan alat tangkapan ikan mereka seperti tangkoi, pukat, semua ni rosak akibat kadang ada setengah tu dilanggar oleh *dredger* ni... bot kapal korek ni. Depa ada maklumkan juga kepada saya bahawasanya ada pampasan... wang pampasan telah diberikan kepada Persatuan Nelayan Kawasan. So saya nak cuba dapatkan pengesahan di sini adakah benar berkenaan wang pampasan tersebut, dan berapa nilainya dan bagaimanakah cara pembayarannya jika ianya benar. Terima kasih.

YB TUAN NURULHISHAM BIN YAAKOB : Pihak saya sendiri belum mendapat apa-apa maklumat, saya takut kemungkinan wang itu disalurkan melalui Pakatan Harapan kot... terutamanya YB... sebab saya tak dak... takat la tak dak dan kalau boleh nelayan-nelayan tu yang terlibat mengadu kepada Persatuan depa yang ada tu... sekian, terima kasih.

YB SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat, soalan-soalan lisan ditangguhkan setakat ini, bagi soalan-soalan yang belum sempat dijawab, pihak Kerajaan akan mengemukakan jawapan secara bertulis kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Dewan ditempohkan sehingga jam 11.30 pagi. Terima kasih.

(Persidangan ditempohkan sementara pada jam 10.44 pagi)

(Persidangan disambung semula pada pukul 11.36 pagi)

YB SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula.

5. ... **USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2020 DAN RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAHUN 2020**

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2020 dan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tahun 2020. Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan mencadangkan.

YAB MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu usul yang berbunyi "Bahawa Dewan ini mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, mengambil ketetapan bersetuju meluluskan perbelanjaan sebanyak RM83,517,780.00 (Lapan Puluh Tiga Juta, Lima Ratus Tujuh Belas Ribu, Tujuh Ratus Lapan Puluh Ringgit) seperti yang tersebut di dalam Anggaran Pembangunan Negeri Perlis Tahun 2020 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Dewan Bilangan 14 Tahun 2019".

YB PUAN ASMAIZA BINTI AHMAD : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tahun 2020. Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan mencadangkan.

YAB MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tahun 2020 dibaca bagi kali pertama.

YB PUAN ASMAIZA BINTI AHMAD : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tahun 2020, bacaan kali pertama.

YAB MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut proviso kepada peruntukan Peraturan 56 Dewan, saya mohon kebenaran untuk membaca Rang Undang-Undang ini bagi kali kedua pada hari ini juga.

YB SPEAKER : Yang Amat Berhormat dibenarkan.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tahun 2020, bacaan kali kedua.

YAB MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang yang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibaca bagi kali kedua sekarang. Adapun tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk mengadakan peruntukan bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri sebanyak RM146,895,300.00 (Satu Ratus Empat Puluh Enam Juta, Lapan Ratus Sembilan Puluh Lima Ribu, Tiga Ratus Ringgit) untuk perkhidmatan bagi tahun 2020 bagi maksud-maksud yang dinyatakan di dalam Jadual. Maksud-maksud yang dinyatakan di dalam Jadual diberi bilangan yang sama dengan tujuan-tujuan di dalam draf Anggaran Perbelanjaan Negeri bagi tahun 2020 yang dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri sebelum dikemukakan Rang Undang-Undang ini.

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh, salam Perlis, salam sejahtera, Raja Berdaulat Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera Perlis Maju. Selawat dan salam ke atas Rasul Junjungan Nabi Muhammad S.A.W., Ahli Keluarga serta Para Sahabat Baginda. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon izin untuk membawa usul seperti berikut, mengusulkan bahawa Rang Undang-Undang yang dinamakan sebagai "Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2020 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibacakan bagi kali kedua. Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T. di atas limpah rezeki dan peluang yang dikurniakan kepada kita untuk bersama-sama meneruskan agenda pembangunan negeri. Inilah amanah yang kita

pikul bersama, inilah amanah yang kita telah minta dari rakyat, inilah mandat yang telah kita tagih dari rakyat, rakyat telah berikan apa yang kita tagihkan. Dengan izin Allah jua dapat kita berhimpun sekali lagi di Mesyuarat Ketiga, Penggal Persidangan Kedua, Dewan Undangan Negeri Perlis yang ke-14 pada pagi ini. Dengan izin Allah jua, saya mewakili Kerajaan Negeri akan membentangkan Bajet 2020 Negeri Perlis. Dewan yang mulia ini merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al Marhum Tuanku Syed Putra Jamalalullail, ke atas kepercayaan Baginda kepada barisan kepimpinan negeri untuk melaksanakan amanah dan mandat yang telah diberikan oleh rakyat dalam menerajui, mengurus, mentadbir dan membawa agenda pembangunan untuk memajukan negeri Perlis. InsyaAllah pentadbiran ini akan melaksanakan tanggungjawab ini sebaik-baik yang kami termampu. Saya ingin menegaskan dan mengulangi bahawa semua anggota pentadbiran dan seluruh perkhidmatan awam di bawah Kerajaan Negeri akan terus melibat gandakan usaha dengan gigih, bekerja kuat dengan penuh komited agar setiap program pembangunan fizikal dan rohani negeri ini dapat dilaksanakan dengan sempurna dan impak positifnya dapat dirasakan dan dinikmati oleh segenap lapisan rakyat.


Yang Berhormat Dato' Speaker,

19 bulan sudah pun berlalu sejak Pilihan Raya Umum ke-14. Semakin kita berusaha membuka dan merebut peluang untuk bergerak ke hadapan, semakin besar cabaran yang terpaksa kita hadapi. Peluang yang ada akan direbut, ruang akan dibuka seluas-luasnya, cabaran serta rintangan akan diatasi, ini semua akan dicapai jika kita semua mempunyai tekad yang sama, jika kita semua berpadu dengan membelakangkan fahaman ideologi politik sempit, jika kita saling bekerjasama rapat dan membantu di antara satu sama lain, jika kita meletakkan kepentingan rakyat di hadapan, berbanding kepentingan peribadi. Kerana itu, wajarlah kita terus merapatkan saf tanpa mengira latar belakang dan pegangan ideologi politik. Bersama-sama berganding bahu untuk membawa satu bentuk pembangunan yang benar-benar boleh meningkatkan taraf sosio ekonomi dan rohani serta kemaslahatan rakyat negeri Perlis. Segenap lapisan, asalkan kita bergelar rakyat, sama ada berjawatan atau tidak, perlu beriltizam, bersatu hati, berpadu tenaga dalam menghadapi dan menangani segala rintangan. Jangan pula ada tangan-tangan tersembunyi dengan agenda tersendiri demi kepentingan peribadi atau politik sempit untuk menggagalkan usaha-usaha murni ini. Dalam Surah Al-Ankabut ayat 2 hingga 3, Allah berfirman : -

أَحْسِبَ النَّاسَ أَنْ يَتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾
 وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ
 الْكٰذِبِينَ ﴿٣﴾


yang bererti, Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata “Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji dengan sesuatu cubaan? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahui tentang orang-orang yang berdusta.

Mengambil iktibar dari ayat ini, cabaran, ujian dan dugaan adalah untuk menjadikan kita manusia yang lebih tabah dan yakin dengan pertolongan Allah S.W.T. Segala dugaan yang datang perlu kita hadapi dengan matang, kita perlu... kita tidak perlu mudah melatah, kita perlu jujur jika kebajikan untuk semua menjadi niat utama. Dalam Surah Al-Balad, Ayat 4, Allah berfirman :-



“Sesungguhnya kami menciptakan manusia berada di dalam susah payah”

ayat-ayat ini Allah dengan jelas memberitahu kita bahawa tiada manusia yang tidak akan ditimpa kesusahan, bagaimanapun kesusahan dan bebanan yang diuji itu adalah di dalam ruang lingkup kemampuan manusia untuk mengatasinya kerana itulah Allah telah menjadikan manusia sebaik-baik kejadian. Di dalam Surah Al Baqarah, Ayat 286 :-



“Allah tidak membebankan seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya”

Dalam konteks dan situasi yang Kerajaan Negeri hadapi ianya amat bertepatan dengan firman Allah di dalam ayat-ayat yang telah disebutkan tadi. Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha memacu pembangunan negara, jelas terdapat perubahan dasar dan perbezaan pendekatan, *monitory* di peringkat Kerajaan Pusat, perubahan dasar dan perbezaan pendekatan ini di dalam situasi tertentu dilihat tidak mudah untuk ditangani dan boleh menimbulkan kesulitan di peringkat negeri. Walau bagaimanapun, ianya tidak merencatkan hubungan kerjasama baik di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri mengalu-alukan hasrat Kerajaan Persekutuan yang komited untuk merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama atau *Shared Prosperity Vision* dalam mengurangkan jurang perbezaan wilayah dan negeri di Malaysia. Bagi negeri Perlis, 4 aktiviti utama pertumbuhan ekonomi atau *key economic growth activities* yang akan dicadangkan iaitu ekonomi sempadan dan logistik, ekonomi pelancongan, pertanian bernilai tinggi serta tenaga boleh baharu adalah selaras dengan agenda pembangunan negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Keadaan ekonomi dunia secara umumnya berada dalam situasi yang mencabar. Tabung kewangan antarabangsa (IMF) telah mengurangkan unjuran pertumbuhan global 2019 kepada tiga peratus menurun 0.2 peratus berbanding jangkaan sebelumnya. Laporan ekonomi suku ketiga 2019 Bank Negara Malaysia mendapati ekonomi global berkembang pada kadar sederhana dan prestasi eksport negara serantau semakin lemah dan keadaan permintaan luaran yang lebih lembap. Sementara itu *volatility* pasaran kewangan meningkat disebabkan oleh perkembangan perdagangan, geopolitik dan pasaran terutamanya perdagangan... ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China. Secara langsung atau tidak langsung, dan ditambah pula dengan situasi politik yang tidak menentu, ia memberi kesan ke atas iklim ekonomi negara. Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan Keluaran Negeri Kasar (KDNK) yang menurun pada kadar 4.4 peratus pada suku ketiga tahun 2019 berbanding dengan 4.9 peratus pada suku tahun sebelumnya. Penurunan ini berlaku ekoran pertumbuhan sektor utama yang lebih rendah, serta penurunan aktiviti perlombongan dan pembinaan. Menurut laporan ekonomi Bank Negara, ekonomi Malaysia tumbuh 4.6 peratus bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini dan dijangka kekal pada tahun 2020. Ketidak tentuan politik dan kesamaran hala tuju ekonomi mempunyai kesan langsung kepada keyakinan pelabur ke atas Malaysia. Keyakinan pelabur jelas semakin menurun, kerana itulah FBMKLCI merosot dengan serius, iaitu 5.3 peratus pada akhir September berbanding Jun 2019. Malah prestasi Bursa Saham Malaysia direkodkan sebagai yang terburuk di rantau ini dan di peringkat global. Tiada tanda-tanda positif kemasukan pelaburan di luar negara ke Malaysia manakala pelabur-pelabur luar di Bursa Saham Malaysia terus menerus menarik keluar pelaburan mereka, situasi ini memberi tekanan berterusan ke atas kemerosotan nilai Ringgit di

pasaran. Kemerosotan nilai Ringgit di pasaran kewangan antarabangsa kerana itulah nilai Ringgit menyusut 1.1 peratus berbanding Dollar Amerika Syarikat walaupun penyusutan ini dilihat sejajar dengan penyusutan kebanyakan mata wang serantau seperti Singapura, Indonesia dan Filipina. Malah lebih malang lagi apabila Malaysia seperti yang dilaporkan oleh Gabenor Bank Negara baru-baru ini telah kehilangan 62.0 bilion ringgit di pasaran wang antarabangsa hanya dalam tempoh dua bulan sahaja. Ini bukanlah satu berita yang mengembirakan buat negara dan rakyat, ia menimbulkan persoalan bagaimana kewangan negara di tadbir uruskan sehingga menyebabkan kehilangan yang begitu besar di pasaran kewangan antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Prestasi Ekonomi Negeri Perlis.

Kita bersyukur kerana ekonomi Perlis terus berkembang walaupun wujud tekanan menurun ke atas ekonomi negara keseluruhannya. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri Perlis meningkat dari 5.70 bilion ringgit pada tahun 2017 kepada 5.90 bilion ringgit pada tahun 2018. Kadar pertumbuhan ekonomi negeri Perlis, secara relatifnya, berada ditahap yang memuaskan. Berdasarkan KDNK pada tahun 2018, negeri Perlis mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.3 peratus berbanding 2.2 peratus pada tahun 2017. Secara keseluruhannya, ekonomi Perlis pada tahun 2018 masih lagi diterajui oleh sektor perkhidmatan, menyumbang sebanyak 65.9 peratus bernilai 3.90 bilion ringgit. Ini diikuti oleh sektor pertanian yang menyumbang 21.5 peratus bernilai 1.30 bilion ringgit. Sektor pembuatan menyumbang 7.9 peratus atau 0.50 bilion ringgit. Manakala 2.5 peratus disumbang oleh sektor pembinaan atau 0.10 bilion ringgit. Sebanyak 0.6 peratus atau 32.80 juta ringgit pula disumbang oleh sektor perlombongan dan pengkuarian. KDNK per kapita bagi Perlis juga telah meningkat daripada 23.60 ribu ringgit tahun 2017 kepada 24.40 ribu ringgit pada tahun 2018. Bagi perbelanjaan isi rumah bulanan di Perlis, secara purata telah meningkat daripada 2.58 ribu ringgit pada 2014 kepada 3.10 ribu ringgit pada 2016, iaitu dengan kadar pertumbuhan 9.0 peratus setahun. Secara umumnya, negeri Perlis mempunyai bilangan miskin terendah iaitu seramai tiga (3) ketua isi rumah mengikut data dalam e-Kasih. Kerajaan Negeri berusaha agar miskin terendah ini dapat segera disifarkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Peruntukan Bajet 2020.

Kerajaan Negeri komited untuk membawa kemajuan dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat di negeri ini seiring dengan peningkatan ekonomi negeri. Justeru, Bajet 2020 telah dirangka secara komprehensif bagi memastikan kedua-dua misi ini dapat dicapai bersama dan semua pihak mendapat manfaat daripada bajet yang disediakan. Selaras dengan pendekatan ini, tema bajet tahun 2020 yang telah dipilih adalah "Menjana Kemakmuran, Membina Kesejahteraan". Bajet 2020 ini akan memberi penekanan kepada dua (2) fokus utama Kerajaan Negeri iaitu pertama, Menjana Pembangunan Ekonomi Mapan dan kedua, Meningkatkan Kualiti Hidup Rakyat. Bajet 2020 Negeri Perlis memperuntukkan sejumlah 253.97 juta ringgit untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Daripada jumlah ini sebanyak 170.45 juta ringgit atau 67.1 peratus disediakan di bawah peruntukan mengurus dan 83.52 juta ringgit atau 32.9 peratus di bawah pembangunan.

Perbelanjaan Mengurus.

Bagi peruntukan mengurus 2020, 54.42 juta ringgit disediakan untuk bayaran Emolumen kepada kakitangan awam, 74.82 juta ringgit disediakan bagi menampung perbelanjaan

Perkhidmatan dan Bekalan, 37.04 juta ringgit pula disediakan di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan sebanyak 4.17 juta ringgit disediakan untuk Aset dan Lain-lain Perbelanjaan. Secara keseluruhannya, Bajet Mengurus pada tahun 2020 menguncup sedikit sebanyak 1.4 peratus berbanding tahun 2019.

Peruntukan Pembangunan.

Bagi peruntukan pembangunan, sejumlah 83.52 juta ringgit disediakan dari keseluruhan peruntukan Bajet 2020. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 50.00 juta ringgit adalah pembiayaan dari pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi pembinaan Kompleks Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan pembinaan Istana Raja Muda Perlis. Di samping itu, Kerajaan Negeri menghargai keputusan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang menaikkan peruntukan di bawah Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup ringkasnya TAHAP daripada 23.30 juta ringgit yang diterima sebelum ini kepada 28.23 juta ringgit mulai tahun 2019. Pengagihan peruntukan pembangunan bagi tahun 2020 disediakan melalui enam (6) Agensi Pelaksana Utama bagi tujuan memenuhi keperluan pembangunan semua sektor. Pengagihan peruntukan kepada enam (6) agensi berkenaan adalah seperti berikut, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri–16.10 juta ringgit, Jabatan Kerja Raya–55.45 juta ringgit, Jabatan Pertanian–3.51 juta ringgit, Jabatan Perkhidmatan Veterinar–0.51 juta ringgit, Jabatan Pengairan dan Saliran–7.45 juta ringgit dan Jabatan Perhutanan–0.50 juta ringgit.

Hasil.

Bagi tahun 2020 Kerajaan Negeri Perlis menganggarkan kutipan hasil berjumlah 106.30 juta ringgit. Komponen anggaran hasil utama adalah seperti berikut, Hasil Cukai–20.25 juta ringgit, Hasil Bukan Cukai–21.55 juta ringgit dan Terimaan Bukan Hasil–64.50 juta ringgit. Hasil negeri dijangka meningkat sebanyak 3.22 juta ringgit berbanding tahun 2019. Dengan anggaran ini, Kerajaan Negeri dijangka akan dapat mengurangkan secara beransur-ansur bajet defisit kepada 64.15 juta ringgit pada tahun 2020 berbanding 69.80 juta ringgit pada tahun 2019, iaitu pengurangan sebanyak 8 peratus. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil pendekatan proaktif bagi meningkatkan kutipan hasil negeri dengan mengenal pasti sumber hasil baharu dan menambah baik kaedah pungutan hasil sedia ada. Untuk makluman dewan yang mulia ini, sehingga Disember tahun 2019, data kutipan hasil cukai menunjukkan peningkatan sebanyak 9.2 peratus iaitu 20.35 juta ringgit berbanding 18.63 juta ringgit pada tahun 2018. Kutipan ini merupakan rekod kutipan yang tertinggi sepanjang tempoh 20 tahun. Peningkatan hasil kutipan membuktikan pendekatan *touch point*, dengan izin, yang dilaksanakan seperti program turun padang, aktiviti penghantaran bil dan notis sama ada melalui kaedah fizikal atau maya iaitu melalui *MySMS* serta program penggalakan bayaran cukai tanah yang dilaksanakan, telah memberi impak yang ketara. Justeru semua program peningkatan hasil yang telah dirancang pada tahun 2019 akan diteruskan dan ditingkatkan momentumnya. Beberapa penambahbaikan program sedia ada yang boleh meningkatkan hasil seperti berikut akan dilaksanakan. Pertama program pemutihan bagi pelanggaran syarat tanah–diskaun sebanyak 50 peratus ke atas denda berbanding diskaun 65 peratus pada tahun 2019. Program galakan bayaran awal cukai tanah- pemberian rebat atau *rebate* cukai sebanyak 8 peratus bagi tanah kategori pertanian, 5 peratus bagi tanah kategori kediaman/bangunan dan 3 peratus bagi kategori industry. Ketiga, denda lewat bayar cukai tanah–kadar denda dinaikkan dari 8 peratus ke 10 peratus berdasarkan cukai semasa. Program peka cukai tanah–meningkatkan kesedaran orang ramai berkenaan kewajipan membayar cukai tanah melalui aktiviti program turun padang. Kelima, penjadualan semula bayaran sewa Rancangan Perumahan Awam (RPA)–inisiatif ini telah memberikan hasil sebanyak 400 ribu ringgit kepada Kerajaan Negeri melalui penjadualan semula bayaran sewa. Bagi menggalakkan penyewa membuat bayaran tunggakan, Kerajaan Negeri akan memberikan diskaun 20% atas denda lewat bayar bagi tahun 2020. Keenam,

kepelbagaian hasil daripada pokok jati-pengusaha hasilan pokok Jati yang dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perlis melibatkan dua (2) kategori kawasan iaitu pokok jalan dan ladang jati dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK). Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip sebanyak 243 ribu ringgit daripada hasil pokok jalan yang telah dilaksanakan pada tahun 2019. Bagi ladang jati, ia merupakan hasil baharu dan akan diusahakan bersama Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) seluas 10 hektar secara konsesi selama 15 tahun. Anggaran hasil adalah sekitar 900 ribu ringgit setahun tertakluk kepada saiz balak dalam blok yang diusahakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Fokus pertama : Pembangunan Ekonomi Mapan

Memperkukuhkan Nilai Pelaburan Swasta.

Bagi tahun 2018, KDNK Perlis dalam sektor perkhidmatan telah menyumbang sebanyak 3.90 bilion ringgit manakala sektor pembuatan bernilai 0.50 bilion ringgit daripada keseluruhan KDNK iaitu 5.90 bilion ringgit. Pertumbuhan ekonomi yang agak sederhana di tahun 2018 pada kadar 3.3 peratus dijangka merekodkan perkembangan yang lebih positif di tahun 2019 dan 2020 dengan bermulanya pelaksanaan kerja fizikal projek-projek mega yang telah dirancang. Sektor swasta akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi negeri Perlis. Fokus Kerajaan Negeri pada masa ini adalah kepada pelaksanaannya dan memudah cara segala rancangan pelaburan. Satu mekanisma pemantauan di peringkat negeri telah ditubuhkan yang dinamakan Jawatankuasa Pemantauan Pelaburan Negeri Perlis. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri Besar dan diadakan setiap dua (2) minggu sekali. Melalui mesyuarat ini, sebarang kerenah birokrasi dikurangkan dan penyelarasan inter-agensi dibuat agar perjalanan projek tidak terganggu. Amalan ini akan diteruskan pada tahun 2020 sehingga semua projek dapat dilaksanakan seperti yang dirancang. Sehingga kini, 21 projek sedang dipantau secara rapi dan dekat di mana 17 projek adalah di peringkat perancangan manakala 4 projek lagi di peringkat pelaksanaan.

Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA).

Bagi pembangunan di CVIA, fasa pertama yang melibatkan pembinaan Pusat Perniagaan Bersepadu (IBC) secara fizikal telah siap sepenuhnya pada November 2019. Dengan terbinaanya Pusat Perniagaan Bersepadu ini, Kerajaan Negeri yakin ia akan memainkan peranan penting sebagai pusat khidmat atau *one stop centre* bagi pelaburan dan penyelidikan di CVIA. Sehingga kini, terdapat enam (6) syarikat telah menyatakan hasrat untuk melabur di CVIA dengan anggaran pelaburan sebanyak 866.53 juta ringgit dalam bidang seperti tenaga boleh diperbaharui, pembuatan hijau dan industri halal. Pelaburan ini dijangka mewujudkan lebih 5,000 peluang pekerjaan baharu di negeri ini. Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara atau NCIA menasabahkan pelaburan pertama di CVIA ini dapat direalisasikan dalam pertengahan tahun 2020.

Perlis Inland Port (PIP).

Nilai keseluruhan pelaburan bagi PIP adalah sebanyak 1.80 bilion ringgit yang meliputi tiga (3) komponen fasa pembangunan. Kerajaan Negeri dengan kerjasama pelabur swasta sedang dalam proses untuk memuktamadkan pelan induk PIP dengan memfokuskan kepada tiga (3) aktiviti iaitu *consolidation and distribution centre*, dengan izin, pusat jaringan logistik tempatan dan antarabangsa serta aktiviti pergudangan.

Projek Koridor Maritim Perlis (PMC).

Bagi pembangunan PMC, Kerajaan Negeri secara dasarnya telah meluluskan permohonan pemilikan tanah seluas 203 ekar untuk dibangunkan melalui tiga (3) fasa dengan anggaran nilai pelaburan sebanyak 1.80 bilion ringgit. Projek ini dijangka dapat mewujudkan 5,000 peluang pekerjaan baharu dan seterusnya menjadi pemangkin kepada peningkatan ekonomi negeri ini. Komponen pembangunan Fasa Pertama projek ini merangkumi terminal kargo dan kapal persiaran, pusat penyelenggaraan dan pembaikan kapal serta zon bebas cukai. Projek sedang dalam proses mendapatkan kelulusan EIA atau *Environmental Impact Assessment*, dengan izin, dan kerja fizikal dijangka akan bermula pada pertengahan 2020.

Kilang Pembuatan Komponen Peluru.

Sektor pembuatan di negeri Perlis akan terus berkembang dan divariasikan apabila terbinanya Kilang Pembuatan Komponen Peluru di Taman Teknologi Pauh Putra dengan keluasan tanah sebanyak 9.67 ekar. Projek ini telah mendapat kelulusan Kementerian Dalam Negeri dan kelulusan kebenaran merancang bersyarat telah diperolehi daripada Majlis Perbandaran Kangar (MPK). Nilai pelaburan bagi projek usahasama syarikat tempatan dan syarikat swasta asing ini dianggarkan berjumlah 112.00 juta ringgit.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pembangunan Komersial.

Selain daripada sektor perkilangan, Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan penyertaan syarikat swasta melalui pelaburan di dalam bidang komersial. Ini dapat dilihat melalui projek-projek komersial yang sedang berjalan iaitu, pembangunan bercampur Padang Besar. Bagi memenuhi permintaan pelancong yang berkunjung ke Padang Besar, satu kompleks perniagaan yang dilengkapi dengan kemudahan awam dan juga sebuah hotel bertaraf tiga (3) bintang dengan nilai pelaburan 30.30 juta ringgit di atas tapak dianggarkan berkeluasan 9.85 ekar dan dijadualkan pembinaannya bermula pada awal tahun 2020. Pembinaan semula Pasar Padang Besar bernilai 5.83 juta ringgit di atas tapak seluas 0.57 ekar oleh Perbadanan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) bagi menyediakan prasarana perniagaan yang lebih selesa dan moden. Blok perniagaan dua (2) tingkat dengan 83 unit gerai, 50 unit kiosk serta 17 gerai medan selera dijangka siap pada Februari 2021. Pada masa ini, pembinaan telah mencapai 20 peratus, sebuah pusat komersial berkonsep kontena dikenali sebagai *Northern Box Arena* akan dibina di Bulatan Sena Indah dengan usahasama PKENPs dan pelaburan swasta. Komponen projek terdiri daripada kafe, kedai makan, kedai serbaneka dan dataran terbuka dengan penggunaan kira-kira 56 buah kontena. Pembinaan dijangka bermula pada April 2020 dan dijangka siap Disember 2020. K-Parc Shopping Mall dengan nilai anggaran kasar pelaburan sebanyak 102 juta ringgit. Projek ini juga merupakan usahasama PKENPs dengan syarikat swasta dan dijangka siap pada bulan Mei 2020. Antara yang bakal mengisi ruang komersial ini adalah Pasaraya Mydin dan bank-bank komersial dan tapak pemprosesan produk kayu jati oleh PKENPs bersama syarikat swasta. Pada masa ini, jentera-jentera memproses kayu jati telah pun dibawa masuk ke tapak perindustrian berat di Sungai Batu Pahat, Perlis. Pengeluaran produk berasaskan kayu jati dijangka akan bermula pada April 2020.

Agro Business.

Kerajaan Negeri juga turut memberi penekanan kepada perkembangan *Agro Business* di Perlis dengan mempertimbangkan pelaksanaan projek-projek swasta seperti berikut. Pertama projek tenusu, projek ini diusahakan dengan nilai pelaburan 209 juta ringgit di atas tapak seluas 4,453 hektar dan kini dalam proses pemilikan tanah dan kita sedang berusaha untuk menyelesaikan

beberapa masalah teknikal yang berkaitan dengan pemilikan tanah ini. Kedua, projek ternakan ruminant, projek berkeluasan 69.12 ekar ini akan dibangunkan dengan nilai pelaburan berjumlah 3.40 juta ringgit dan projek tanaman nanas, diusahakan atas tanah berkeluasan 250 ekar, projek ini dijangka membuka peluang pekerjaan kepada 50 orang. Projek ini juga bakal menjadikan Perlis sebagai pusat pengeluaran nanas terbesar di Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pelaburan Kerajaan.

Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keperluan untuk menyempurnakan infrastruktur yang kondusif kepada persekitaran pelaburan di negeri Perlis dan amat menghargai peruntukan pembangunan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Rolling Plan ke-4 (RP4). Alhamdulillah, sebanyak 95 projek telah diluluskan iaitu 84 daripadanya adalah projek sambungan dan 11 adalah projek baharu. Antara projek pembangunan RP4 yang telah diluluskan adalah seperti berikut. Pertama, pembangunan infrastruktur CVIA–50 juta ringgit, Projek menaik taraf sekolah-sekolah di negeri Perlis–17.1 juta ringgit, Kangar Sentral–10 juta ringgit, pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Dengan Kuarters (2F Dan 2G) Padang Besar–8 juta ringgit, Pembinaan Pusat Islam UNIMAP–4.65 juta ringgit, Pembinaan Pusat Kesihatan UNIMAP–4 juta ringgit dan naik taraf infrastruktur Kawasan Perindustrian Pauh Putra–2.66 juta ringgit. Di samping projek pembangunan di bawah RP4, Kerajaan Negeri juga memberi perhatian kepada keperluan mewujudkan ruang niaga yang lebih selesa dan bersih. Bagi menambah baik keadaan tersebut, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak 1.40 juta ringgit bagi pembinaan gerai makanan berkonsep kontena di perkarangan Kompleks Makanan Laut Kuala Perlis atau KOMALAUT. Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa dan dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2020. Kerajaan Negeri turut menerima peruntukan 2.90 juta ringgit di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk menaik taraf bangunan konkos di Kuala Perlis agar lebih selesa dan memenuhi keperluan para pengunjung. Antara fasiliti yang akan disediakan adalah surau, tandas, ruang niaga yang lebih banyak untuk jualan produk Perlis, ruang kafe berhawa dingin, dan kerusi yang secukupnya di ruangan menunggu. Projek ini adalah kesinambungan daripada kerja-kerja naik taraf yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini berjumlah 455 ribu ringgit meliputi pembinaan laluan berbumbung ke jeti dan menyelesaikan masalah bumbung bocor.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Industri Pelancongan Perlis.

Kerajaan Negeri melihat sektor pelancongan berpotensi sebagai salah satu penyumbang kepada peningkatan berterusan ekonomi negeri Perlis. Sehubungan dengan itu, saya mengumumkan Tahun 2021 sebagai Tahun Melawat Perlis (TMP 2021). Semoga TMP 2021 akan dapat memeriahkan sektor pelancongan, khususnya di negeri Perlis. Kerjasama dengan pelbagai agensi akan diteruskan antaranya melibatkan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), *Tourism Board*, *Malaysia Productivity Corporation* (MPC) dan lain-lain. Selain itu, usaha kolaborasi pelancongan juga akan dirundingi dengan pihak-pihak swasta dan *Government Linked Company* (GLC), dengan izin, seperti AirAsia Berhad, Malaysia Airlines Berhad, Keretapi Tanah Melayu Berhad dan sebagainya. Di samping itu, intipati kerjasama pelancongan seperti yang dihasratkan di bawah *platform* Indonesia-Malaysia-Thailand *Growth Triangle* (IMT-GT) juga sedang diperhalusi untuk menjayakan agenda pelancongan yang berteraskan kepada *Regional Package Tourism*, dengan izin, di antara *Northern Region* Malaysia, Selatan Thailand dan Sumatera Indonesia. Perkara ini baru dikongsikan hasratnya melalui beberapa lawatan rasmi yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri dengan pihak Gabenor Satun dan Songkhla serta Gabenor Riau baru-baru ini. Kaedah pelaksanaan akan diperhalusi

dengan melibatkan pemain-pemain industri pelancongan ketiga-tiga wilayah yang terbabit. Ini merupakan satu inisiatif yang baik dan cuba diketengahkan oleh Kerajaan Negeri. Bagi merealisasikan TMP 2021, satu Jawatankuasa Penggerak TMP 2021 akan diwujudkan dan disertai oleh agensi-agensi kerajaan, swasta, universiti, Badan Berkanun Kerajaan (NGO), pihak media dan lain-lain yang berkaitan supaya satu pelan tindakan bersepadu dapat dilaksanakan secara kolaborasi semua pihak berkepentingan. Sebagai persediaan, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan berjumlah 4.17 juta ringgit bagi memberi fokus kepada penambahbaikan kemudahan pelancongan dan mempelbagaikan produk eko-pelancongan yang mampu menarik perhatian pelancong domestik dan antarabangsa. *Sport tourism* merupakan salah satu lagi strategi negeri Perlis untuk menarik pelancong ke negeri ini dan peruntukan sebanyak 1.48 juta ringgit disediakan bagi tahun 2020. Antara tarikan utama *sport tourism* negeri Perlis adalah seperti berikut, Perlis Marathon 2020—diadakan bagi kali yang ke-6 dengan anggaran penyertaan sebanyak 13 ribu peserta pada tahun 2020. Kategori baharu akan diperkenalkan iaitu 21KM ASEAN yang menyasarkan pelari-pelari dari rantau Asia Tenggara seperti Thailand, Brunei, Singapura dan Indonesia bagi menarik lebih ramai penyertaan. Kedua, *World Cup Woodball Championship (WCWC)*—akan disertai oleh pelbagai pasukan daripada 20 buah negara dengan jumlah penyertaan seramai 3,000 orang. Pesta Angin Timur—acara pertandingan sukan rakyat dan tradisi yang sentiasa dinanti-nantikan oleh rakyat negeri Perlis dan mendapat sokongan daripada MOTAC. Keempat, Pesta Air Kuala Perlis—merupakan satu program yang unik dan menjadi tarikan utama dalam pelancongan kebudayaan setempat. Antara aktiviti yang diadakan adalah pertandingan lumba perahu serta acara sukan air tradisional. Kelima, Kejohanan Tenis Remaja Antarabangsa Tuanku Syed Putra—kejohanan ini adalah acara tahunan yang diadakan bagi menyetengahkan pemain tenis remaja ke peringkat dunia. Ianya bakal memasuki edisi yang ke-40 dan disertai oleh 12 buah Negara. Kejuaraan Petronas AAM *Cub Prix*—merupakan kejohanan lumba motosikal terbesar di Malaysia. Kejuaraan ini meletakkan Perlis sebagai tuan rumah bagi pusingan ke-7 pada musim 2019 serta menjadi antara lokasi utama di dalam kalendar tahunan *Cub Prix* pada masa hadapan. Celcom Axiata Malaysia *International Challenge*—penganjuran kejohanan badminton peringkat antarabangsa yang dikendalikan oleh Persatuan Badminton Perlis dan Majlis Sukan Negeri (MSN) Perlis. Kejohanan ini mendapat sokongan penuh Kerajaan Negeri melalui penyediaan insentif kemudahan tempat. Kerajaan Negeri bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana NGO atau persatuan yang memilih Perlis sebagai lokasi penganjuran program terutamanya dalam memperkenalkan *event* baharu bagi memenuhi keperluan kumpulan generasi muda. Selain itu, sebanyak 2.04 juta ringgit disediakan bagi pembangunan produk-produk pelancongan baharu dan menambah baik produk pelancongan sedia ada. Antara tarikan baharu pelancongan yang akan diperkenalkan mulai tahun hadapan adalah seperti *Climbing Park* di Bukit Keteri, *Perlis Extreme Park* di Bukit Lagi, *Perlis Floating Market* di Pengkalan Asam, *Perlis Aspiring Geopark*, Galeri Gua Kelam, Kangar *Street Art* serta Dataran Usahawan Kurong Tengar. Manakala penambahbaikan produk pelancongan sedia ada yang telah dirancang adalah seperti berikut. Pertama, menyelenggara kemudahan awam dan chalet di Taman Negeri dan Hutan Lipur Bukit Ayer. Kedua, menyelenggara kemudahan awam di Gua Kelam 1 dan 2, Hutan Lipur Bukit Kubu, Rimba Herba, Taman Negeri dan Gua Wang Burma dan menyelenggara Pusat Rimba Herba Perlis. Kerajaan Negeri Perlis turut meneroka prospek agro-pelancongan yang boleh menjadi daya tarikan kepada pelancong ke negeri Perlis. Antara projek yang terlibat adalah pertama, Ladang Tanaman Eksotik—sebanyak 500 ribu ringgit disediakan untuk menaik taraf fasiliti asas serta mereka bentuk landskap. Ladang ini juga merupakan pusat informasi mengenai kaedah penanaman anggur dan sering menjadi tumpuan lawatan sambil belajar di kalangan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar Perlis. Ladang ini turut ditanam dengan pokok buah nadir yang semakin sukar ditemui seperti asam gelugor, nona, namnam, limau cembol, keriang, sekaya dan lain-lain lagi. Taman Agrolancong Batu 20, Padang Besar—sebanyak 150 ribu ringgit disediakan untuk menaik taraf *paddock* rusa dan *stable* kuda. Taman ini adalah... taman ini telah ditambah baik dengan penambahan pelbagai spesis seperti... spesis haiwan seperti kerbau, rusa jinak, ayam dan kuda

mini. Sebagai persediaan bagi menerima kunjungan pelancong ke negeri ini, Kerajaan Negeri memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan sektor pelancongan melalui program seperti Kursus Pemandu Pelancongan Komuniti Kampung (PPKK), Kursus *Think and Act Tourism*, Kursus Duta Pelancongan, Bengkel Pelan Induk Pelancongan dan Seminar Pelancongan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Fokus Kedua : Kualiti Hidup Rakyat

Infrastruktur Air.

Kerajaan Negeri komited untuk menambah baik mutu perkhidmatan bekalan air. Projek-projek yang akan memberikan impak positif kepada perkhidmatan bekalan air bagi keseluruhan negeri Perlis akan diberikan tumpuan melibatkan penggantian paip-paip asbestos yang rapuh dan mudah pecah, menaik taraf ketiga-tiga loji rawatan air di negeri Perlis dan pembaikan tangki-tangki air di setiap kawasan yang bermasalah akibat kebocoran tangki air. Kerajaan Negeri percaya selepas projek-projek bekalan air ini siap, isu perkhidmatan bekalan air dapat diselesaikan, sebahagian besar daripada isi air dapat diselesaikan dan seterusnya kualiti air terawat dapat dijamin meningkat sehingga tahun 2050. Pada tahun 2020, peruntukan sebanyak 208.49 juta ringgit disediakan untuk melaksanakan projek-projek membaik pulih, menaik taraf dan membina infrastruktur bekalan air di negeri Perlis. Antara projek-projek utama yang dijalankan adalah seperti berikut. Pertama, Program Pengurangan Air Tidak Terhasil atau *Non Revenue Water*, dengan izin, NRW berjumlah 50.5 juta ringgit akan memfokus kepada pemasangan meter *System Input Volume* atau SIV baharu, penggantian meter pengguna yang rosak dan baik pulih tangki air termasuklah tangki air di Kuala Perlis dan Simpang Empat. Program pengurangan NRW ini dijangka dapat mengurangkan kadar kehilangan air sebanyak 30 peratus. Pada masa ini, proses tender sedang berjalan dan pelaksanaan dijangka akan bermula pada Januari 2020 oleh Bahagian Bekalan Air (BBA), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS). Projek mitigasi bekalan air jangka pendek dengan jumlah kos keseluruhan 41 juta ringgit, ini melibatkan pembinaan sebuah loji baharu berkapasiti 40 MLD di Tasoh dan kerja-kerja menaik taraf pam di Loji Rawatan Air (LRA) Arau Fasa I, II dan III dan di Loji Rawatan Air Arau Fasa IV. Pada tahun 2020 sebanyak 10 juta ringgit diluluskan di bawah KATS untuk dilaksanakan oleh BBA atau Bahagian Bekalan Air Kementerian. Ketiga, Projek Mitigasi Bekalan Air Jangka Sederhana berjumlah 105.60 juta ringgit, ini melibatkan penaik tarafan ketiga-tiga loji rawatan air di negeri Perlis iaitu menambah kapasiti loji 32 MLD di LRA Timah Tasoh berjumlah 54 juta ringgit dan 40 MLD di LRA Arau Fasa IV sebanyak 28 juta ringgit dan menaik taraf sistem mekanikal dan elektrik di LRA Arau Fasa I, II dan III berjumlah 23.60 juta ringgit. Pada masa ini, proses pelantikan perunding sedang dimuktamadkan dan projek fizikal akan bermula pada tahun 2020 dengan peruntukan sebanyak 14 juta ringgit. Keempat, Projek Naik taraf Bekalan Air di Kampung Desa Permai, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak 469 ribu ringgit pada tahun 2019 bagi menaik taraf sistem paip sepanjang 2 kilometer. Projek ini menyelesaikan masalah bekalan air di Kampung Desa Permai, Tebing Tinggi dan Wang Ulu. Projek seumpama ini akan diteruskan pada tahun 2020 dengan peruntukan sebanyak 500 ribu ringgit lagi. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), sebanyak 3.89 juta ringgit telah diluluskan bagi projek bekalan air luar bandar negeri Perlis. Projek ini akan meningkatkan kualiti perkhidmatan bekalan air terawat di Kampung Batu Bertangkep, Chuping. Projek menaik taraf sistem bekalan air FELDA Negeri Perlis, dengan peruntukan sebanyak 7 juta ringgit.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Infrastruktur Jalan.

Berhubung rangkaian jalan raya di negeri Perlis, Jabatan Kerja Raya (JKR) Perlis akan mewujudkan satu pelan induk rangkaian jalan raya negeri Perlis agar pembinaan jalan-jalan baharu dibuat secara terancang. JKR negeri telah pun membentangkan hasil awal pelan induk tersebut terutamanya bagi kawasan bandar Kangar. Bagi mengelakkan kesesakan pada masa hadapan, setelah meminta penambahbaikan dibuat agar sistem jalan raya negeri Perlis lebih berbentuk matriks berbanding berbentuk sesawang dan jalan lingkaran yang biasa diamalkan di negara ini. Dalam memperkukuhkan pembangunan infrastruktur jalan, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak 34.80 juta ringgit untuk pelbagai projek infrastruktur jalan pada tahun 2020. Daripada jumlah ini, sebanyak 3.80 juta ringgit adalah untuk naik taraf jalan dan persimpangan jalan. Antara jalan-jalan negeri yang terlibat dalam projek ini ialah pertama Jalan Abi Tok Hashim (R5), Persimpangan Jalan Kg Serdang (R157) - Changkat Jawi (R149), Persimpangan Jalan Panggas / Guar Nangka / Kg Gial (R131) / Jalan Kok Klang (R128), Persimpangan Jalan Jejawi Permatang - Behor Pulau (R145) / Jalan Jejawi - Tambun Tulang (R175), Persimpangan Jalan Panggas / Guar Nangka / Kg Gial (R131) / Jalan Padang Nyu (R137) dan Jalan Belakang Pasar Sena yang merupakan projek sambungan. Bagi jalan-jalan kampung, sejumlah 1.40 juta ringgit diperuntukkan untuk kerja-kerja pelebaran jalan. Antara kampung yang terlibat adalah Kampung Hutan Ketiau, Kampung Bukit Chabang Selatan, Kampung Seri Berangan ke Kampung Paya Kelubi, Kampung Sungai Buloh, Kampung Hujung Bukit, Kampung Alor Redis dan Kampung Sungai Bugis.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pencahayaan Jalan.

Bagi meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya terutamanya pada waktu malam, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri mempunyai perancangan agar pencahayaan jalan dibuat meliputi keseluruhan jalan negeri secara berperingkat dan terancang. Pelaksanaan dasar ini telah pun dimulakan sejak tiga tahun lalu dan bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak 600 ribu ringgit untuk tujuan tersebut. Terdapat tiga (3) batang jalan yang telah dikenal pasti untuk tujuan pemasangan lampu jalan iaitu di persimpangan Jalan Behor Mali – Sungai Berembang dengan Jalan Kuala Perlis – Sungai Baru, Persimpangan Jalan Dato Ali dan Jalan Sarawak serta Jalan Kok Klang. Sementara itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) juga telah meluluskan pemasangan lampu jalan kampung sebanyak 795 unit bagi tahun 2020. Bagi melancarkan pergerakan kenderaan yang seterusnya dapat menjimatkan masa perjalanan dan mengurangkan kesesakan pada waktu puncak, sistem lampu isyarat segerak (*green wave*) akan dinaik taraf di beberapa lokasi terpilih. Lima (5) lokasi tersebut adalah Persimpangan Jalan Sekolah Derma (R8), Persimpangan Jalan Kg.Pondok (R108), Persimpangan Jalan Kaki Bukit Santan (R170), Persimpangan Jalan Kampung Salang (R110) dan Persimpangan Jalan Abi Batas Paip (R11). Sejumlah 29 juta ringgit juga telah disediakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan di seluruh negeri Perlis yang berdaftar di bawah MARRIS. Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan projek-projek untuk menyelenggara jalan negeri, jalan kampung, jalan pertanian dan jalan di kawasan perumahan di bawah peruntukan ini. Usaha ini akan mewujudkan sistem perhubungan yang lebih cekap dan selamat, mempertingkatkan kelancaran lalu lintas dan mengekalkan Perlis sebagai antara negeri yang mempunyai kualiti rangkaian jalan yang terbaik di negara ini. Kerajaan Negeri juga menitik beratkan keselamatan jalan raya bagi pelajar sekolah. Kerajaan Negeri akan menyelenggara dan membina baharu beberapa lintasan *zebra* di sekolah-sekolah yang telah dikenal pasti yang mempunyai kadar trafik yang tinggi. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan bekerjasama dengan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Negeri Perlis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Perlis untuk mengadakan lebih banyak kempen keselamatan jalan raya di kalangan pelajar pada tahun 2020. Kerajaan Negeri

juga menerima peruntukan sebanyak 9.15 juta ringgit dari Kerajaan Persekutuan bagi menaik taraf jalan-jalan seperti berikut. Yang pertama, Jalan Padang Nyu - Rani Estate ke Jalan Padang Siding, kedua Jalan dari Kampung Chuping Bawah Bukit ke Kampung Guar Musang dan Panggas Besar, ketiga Jalan perhubungan desa, keempat Jalan dari Sungai Adam ke Kampung Banat dan kelima Jalan Kampung Wai ke Tebing Tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Infrastruktur Sungai: Pembinaan Infrastruktur Pengairan dan Saliran.

Bagi meningkatkan produktiviti tanaman padi di luar kawasan MADA, sebanyak 2.10 juta ringgit telah diperuntukkan bagi menaik taraf infrastruktur pengairan dan saliran dengan pecahan berikut. Pertama, 1.25 juta ringgit diperuntukkan untuk menaik taraf tali air konkrit sedia ada kepada *precast u-drain*, dengan izin, bagi kawasan Skim Pengairan Santan Tengah Kampung Tok Kayan Santan, Kampung Asam Bungkas Batu Pahat, Skim Pengairan Sena Rendang Kampung Sena Rendang, Skim Pengairan Sungai Siran, Skim Pengairan Kampung Belukar Pakej 2, Skim Pengairan Bendang Chuping Pakej 6, dan Kampung Kubang Tiga. 450 ribu ringgit juga diperuntukkan bagi kerja-kerja menaik taraf infrastruktur pengairan dan saliran serta jalan ladang di dalam dan luar skim pengairan. 300 ribu ringgit diperuntukkan untuk kerja-kerja menaik taraf kolam-kolam takungan pertanian bagi memastikan kawasan penanaman padi dan pertanian mendapat sumber air yang optimum. Antaranya ialah menaik taraf kolam takungan Titi Tinggi Hilir di Mukim Titi Tinggi, Padang Besar dan kerja-kerja kecil menaik taraf kolam takungan di seluruh negeri Perlis. 100 ribu ringgit diperuntukkan bagi kerja-kerja kecil pembinaan struktur-struktur sokongan sumber air serta menaik taraf telaga tiub bagi tujuan keperluan pertanian. Kerajaan Negeri juga turut menyediakan 900 ribu ringgit bagi kawasan Parlimen Kangar, Padang Besar dan Arau untuk menaik taraf jambatan sedia ada yang terlalu uzur dan membina jambatan baharu yang lebih selamat untuk kegunaan orang awam di lokasi yang telah dikenal pasti. Jambatan uzur ini termasuklah jambatan yang telah dibina oleh jabatan-jabatan dan agensi lain di kawasan luar Jelapang MADA. Kebanyakan jambatan ini telah berusia melebihi 20 tahun dan telah rosak serta uzur berikutan beban melebihi yang ditetapkan. Ia melibatkan kerja membina dan menaik taraf lintasan *medium traffic bridge* (MTB) di Kampung Nesam, Bintong, Sungai Siran, Beseri dan Kampung Belukar Rambai, Padang Siding, Perlis dan dengan adanya projek naik taraf ini, keselamatan dan keselesaan orang awam adalah lebih terjamin.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Empangan Timah Tasoh merupakan kawasan sasaran penting kelas pertama sejak tahun 1996 dan memerlukan kawalan ketat bagi pengawalan pencerobohan. Kerajaan Negeri telah diluluskan peruntukan sebanyak 15 juta ringgit bagi menaik taraf Empangan Timah Tasoh Fasa 3 di bawah KATS dan dijangka siap pada tahun 2020. Di samping itu, bagi memastikan pemantauan keselamatan berada dalam keadaan baik dan selamat, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak 500 ribu ringgit bagi membina sistem pencahayaan di sepanjang benteng empangan.

Projek Pengurusan Banjir.

Kerajaan Negeri amat memahami dan prihatin masalah banjir kilat yang sering dihadapi oleh rakyat. Punca utama banjir tersebut adalah disebabkan oleh sistem perparitan kampung-kampung yang tersumbat akibat tindakan manusia, akibat penambakan tanah-tanah persendirian yang menutup laluan air semula jadi, kadar taburan hujan yang tinggi dan luar biasa serta keadaan topografi sebahagian kawasan yang berada di bawah paras laut. Justeru bagi memastikan kejadian banjir kilat ini dapat diminimumkan, pada tahun 2020 Kerajaan

Negeri menyediakan sebanyak 2.45 juta ringgit untuk kawasan-kawasan berisiko banjir seperti berikut. Pertama, Parlimen Padang Besar – sebanyak 1.15 juta ringgit disediakan untuk kerja-kerja menaik taraf sistem saliran tebatan banjir di kawasan Taman Melati Indah ke Kolam Takungan Bukit Tau, Balai Polis Balai Baru, Klinik Kesihatan Beseri, kawasan Mata Ayer, Kampung Baru Panggas, Chuping dan Batu 7 $\frac{3}{4}$ Jalan Kaki Bukit, Beseri. Kedua, Parlimen Kangar – sebanyak 900 ribu ringgit bagi kerja menaik taraf sistem saliran dan kolam takungan di Kampung Bakau dan Rumah Pam Kg. Seberang Perak dan Parlimen Arau – sebanyak 400 ribu ringgit bagi kerja-kerja menaik taraf pintu kawalan di kawasan Bumbung Lima, Arau dan kerja-kerja menaik taraf kolam takungan di Kampung Rambai untuk meningkatkan kapasiti takungan kolam sebagai usaha meminimalkan kejadian banjir.

Pemuliharaan Sungai.

Tebing sungai yang rendah terdedah kepada ancaman hakisan dan meningkatkan risiko banjir. Bagi tujuan tersebut, sebanyak 1.05 juta ringgit disediakan untuk pemuliharaan Sungai Perlis, Sungai Santan, Sungai Korok dan Sungai Abi. Projek ini melibatkan komponen berikut. Pertama, 800 ribu ringgit bagi kerja-kerja pembinaan struktur kawalan hakisan dan tembok penstabilan tebing sungai, serta mendalamkan saluran sungai dan kedua, 250 ribu ringgit bagi projek pembinaan struktur kawalan hakisan pantai. Kerajaan Negeri percaya dengan terlaksananya projek ini, kapasiti aliran sungai dapat ditingkatkan sekaligus masalah banjir, hakisan tebing dan kerosakan harta benda awam dapat dikurangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Perumahan.

Perumahan merupakan keperluan asas dalam kehidupan manusia bagi mencapai taraf hidup yang sempurna dan selesa. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan penawaran stok kediaman dapat memenuhi permintaan rakyat di negeri ini. Berdasarkan data daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), sehingga suku tahun kedua 2019, negeri Perlis mempunyai 26,078 unit stok kediaman sedia ada, 1,105 unit kediaman dalam proses pembinaan serta 2,096 unit masih dalam perancangan. Rumah-rumah bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) sedia ada yang berjumlah 1,428 unit telah pun dibuat pengisian penuh. Kerajaan Negeri masih menunggu kata putus daripada Kerajaan Persekutuan berhubung kelulusan yang telah diterima sebelum ini iaitu pembinaan 650 unit rumah PPR di Padang Besar dan Kangar. Kerajaan Negeri masih berharap agar projek ini diteruskan. Sekiranya, Kerajaan Persekutuan tidak lagi meneruskan PPR dan digantikan dengan Program Perumahan Malaysia (PPM) yang dilaksanakan secara *Request For Proposal* (RFP), dengan izin, Kerajaan Negeri akan menawarkan tanah-tanah yang telah dikenal pasti kepada pemaju-pemaju yang berminat untuk membina rumah mampu milik bagi keperluan rakyat negeri Perlis. Kerajaan Negeri juga dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah pun menyiapkan 60 unit rumah bagi Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Kampung Wai, Kuala Perlis dengan kos pembinaan sebanyak 10.24 juta ringgit. Sehingga kini pihak LKIM dalam proses pemilihan peserta bagi pengisian pangsapuri berkenaan yang dijangkakan dapat diduduki sepenuhnya pada suku pertama tahun 2020. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keperluan memperbaiki rumah-rumah yang usang. Sehubungan itu, satu Rancangan Khas Pembaikan Rumah Untuk Rakyat dengan peruntukan sebanyak 2 juta ringgit disediakan bagi memperbaiki rumah yang daif dan rosak dengan kadar pembiayaan maksimum 13 ribu ringgit bagi setiap rumah. Adalah dijangkakan 150 buah rumah akan mendapat faedah dari program ini. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga menyambut baik usaha Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) yang turut terlibat dalam pembaikan rumah kepada golongan asnaf. Bagi tahun 2020, 206 buah rumah akan dibaiki dan 103 buah rumah baharu kepada golongan asnaf akan dilaksanakan. Di samping Kerajaan Negeri dan MAIPs, pihak KPLB turut menyediakan

peruntukan sebanyak 2.99 juta ringgit bagi pembaikan dan bina baharu rumah-rumah di luar bandar. Kerajaan Negeri melalui Bahagian Pentadbiran Daerah (BPD, SUK) akan menyelaraskan senarai rumah-rumah yang akan dipertimbangkan untuk pembaikan dan bina baharu melalui tiga (3) program ini. Keperluan penyelenggaraan bagi kawasan perumahan sedia ada tidak diabaikan. Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak 3.04 juta ringgit bagi keperluan projek perumahan sedia ada serta menaik taraf kemudahan infrastruktur awam seperti berikut. Pertama, 2.44 juta ringgit bagi menyelenggara tiga (3) PPR sedia ada. 300 ribu ringgit bagi membina dan membaik pulih jalan perumahan di Taman Behor Indah, Taman Kaki Bukit dan belakang Jalan Raja Syed Alwi. Ketiga, 200 ribu ringgit bagi membina dan membaik pulih parit dan longkang di Taman Kampung Guru serta Taman Hijrah dan keempat, 100 ribu ringgit bagi menaik taraf surau di RPA Simpang Empat dan Padang Behor. Sebagaimana yang kita maklum, negeri Perlis telah dilanda ribut besar ekoran daripada Taufan Lekima yang berlangsung... berlaku pada 9 dan 10 Ogos yang lalu. Takziah diucapkan kepada semua mangsa yang terlibat serta ucapan terima kasih kepada semua yang telah mengambil peranan bagi membantu mangsa kejadian ribut tersebut. Berkat kesabaran semua pihak termasuk mangsa yang terlibat, dugaan tersebut dapat diatasi bersama dan kesemua mangsa telah mendapat bantuan dan pembelaan sewajarnya. Untuk makluman dewan yang mulia ini, jumlah bantuan yang telah disalurkan kepada mangsa ribut tersebut adalah sebanyak 332 ribu ringgit berbentuk wang ihsan kepada 1,106 mangsa serta 501 ribu ringgit bagi 934 kes pembaikan rumah. Terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Persekutuan yang telah menyalurkan peruntukan sebanyak 1.40 juta ringgit melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Perlis Bersih Indah.

Sesungguhnya tidak ada sesiapa pun yang suka kepada keadaan sekeliling atau persekitaran yang kotor dan penuh dengan sampah sarap. Dari kecil lagi kita dididik supaya sentiasa menjaga kebersihan selaras dengan tuntutan agama dan masyarakat. Semua agama mengajar kita supaya menjaga kebersihan dan menjadikannya amalan harian dalam kehidupan kita. Justeru, kempen bersih... Perlis Bersih Indah telah menjadi agenda sejak saya mula memegang pentadbiran negeri. Melalui kempen ini, antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah program kebersihan sungai, gotong royong di peringkat komuniti dan *Recycle for Life*. Bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri akan meneruskan kempen Perlis Bersih Indah dengan peruntukan sebanyak 2.80 juta ringgit untuk menyelenggara sungai-sungai di Perlis termasuk kerja-kerja penyenggaraan landskap di Denai Larian Pengkalan Asam, Dataran Keris, Sungai Kechor, Tasik Melati dan Sungai Arau. Manakala sebanyak 368 ribu ringgit lagi diperuntukkan bagi kerja-kerja rawatan kualiti air, pembinaan perangkap sampah di Lembangan Sungai Perlis serta kerja-kerja pengindahan koridor sungai-sungai, tasik dan kolam takungan. Bagi memastikan komuniti di kawasan perumahan yang berdekatan dengan kawasan sungai membuang sampah dengan lebih teratur, Kerajaan Negeri akan menyediakan 50 tong sampah tambahan di lokasi strategik bagi menggalakkan komuniti setempat membuang sampah secara teratur. Kerajaan Negeri sedar anjakan minda dalam kalangan masyarakat negeri Perlis berkenaan kepentingan kebersihan ini adalah bukan mudah untuk dilaksanakan. Namun, haruslah ditegaskan bahawa tanggungjawab menjaga kebersihan bukan terletak kepada jabatan kerajaan semata-mata tetapi ia adalah tanggungjawab bersama. Melalui kempen dan program yang dilaksanakan ini, orang awam juga dapat menikmati keindahan dan kebersihan sekaligus dapat membentuk sikap *ownership*, dengan izin, di kalangan masyarakat. Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Kangar (MPK) juga akan memberi fokus kepada kesedaran awam tentang kebersihan. Empat (4) komponen dalam kempen kesedaran ini adalah seperti berikut. Pertama, Hari Sabtu Tanpa Plastik – pada masa ini, hari Sabtu telah dikenali sebagai Hari Tanpa Plastik di pasaraya terpilih. Mulai November 2020, setiap hari Sabtu dan Ahad akan dijadikan sebagai Hari Tanpa Plastik. Kedua, Nat Tanpa Sampah – Pada tahun 2020, lima (5) buah Nat iaitu Nat

Arau, Nat Behor Lateh, Nat Batu 2, Nat Taman Sena, dan Nat Bintong akan dikenali sebagai Nat Tanpa Sampah. Ini merupakan projek rintis bagi MPK, di mana kerja-kerja pembersihan tidak perlu dilakukan selepas waktu operasi... selepas waktu operasi Nat berkenaan tamat. MPK akan melaksanakan pemantauan dan penguatkuasa secara berkala dan sistematik, bagi memastikan matlamat program ini tercapai dan seterusnya dapat diperluaskan ke nat-nat yang lain. Ketiga, Gotong-royong Bersama Komuniti – program ini telah mendapat kerjasama baik, terutamanya daripada komuniti taman-taman perumahan. MPK menyasarkan sebanyak 45 program gotong-royong ini dilaksanakan pada tahun 2020. Program *Recycle for Life (RFL)* – Program ini adalah untuk menggalakkan masyarakat untuk mengumpul barang kitar semula termasuklah minyak masak terpakai dan dibawa ke pusat pengumpulan bagi mendapat bayaran yang diterima melalui kad ganjaran tunai, iaitu kad pintar RFL. Pemberian ganjaran melalui kad pintar ini dapat menjadi pemangkin untuk masyarakat lebih aktif dalam melakukan pengasingan sisa pepejal di rumah.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Perlis Sihat Ceria.

Kesihatan adalah nikmat hidup yang tidak ternilai dan perlu disyukuri. Walau bagaimanapun, adalah agak membimbangkan apabila negeri Perlis mempunyai bilangan penghidap penyakit kencing manis yang tinggi iaitu 20.6 peratus bersamaan dengan 33 ribu orang. Di samping itu, tekanan darah tinggi, penyakit jantung, paras kolesterol yang tinggi dan tahap kesihatan mental juga semakin membimbangkan dalam kalangan anak muda. Oleh itu, adalah penting agar gaya hidup sihat terus diamalkan di kalangan rakyat. Bagi menjayakan misi ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah 6.77 juta ringgit di bawah program Perlis Sihat Ceria atau PSC yang memberi fokus kepada pelbagai program pembangunan gaya hidup sihat dan menaik taraf infrastruktur sukan di negeri Perlis. Bagi kerja menaik taraf kemudahan sukan, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak 2.15 juta ringgit bagi pembaikan dewan badminton, pembaikan pusat sukan perahu layar di Timah Tasoh, pembaikan sukan... pembaikan Kompleks Sukan dan menaik taraf gelanggang petanque. Sebanyak tujuh (7) lokasi yang dikenali sebagai *Hot Spot* Perlis Aktif untuk menjalankan aktiviti-aktiviti riadah seperti aerobik, *tai chi*, zumba dan lain-lain iaitu Taman Awam Bukit Lagi, Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, Denai Larian Pengkalan Asam, Tasik Melati, Hutan Lipur Bukit Kubu, UTC Kangar dan Taman Sakura. Contohnya, Stadium Tuanku Syed Putra akan dibuka pada hari Sabtu dan Ahad setiap minggu pada jam 7 pagi hingga 11 pagi bagi memberi peluang kepada orang ramai merasai sendiri untuk berjoging dan berlari di atas trek balapan di stadium. Dengan adanya tujuh (7) *Hot Spot* Perlis Aktif ini, Kerajaan Negeri berharap agar orang ramai dapat mengambil peluang untuk beriadah, merehatkan minda dan meluangkan masa bersama keluarga untuk menjadikan ia sebagai amalan sihat keluarga. Kerajaan Negeri juga mengalu-alukan kerjasama daripada NGO dan sukarelawan untuk memanfaatkan lokasi tersebut bagi mencapai misi mewujudkan masyarakat yang sihat dan aktif serta meningkatkan tahap kualiti masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Alhamdulillah, pencapaian atlet-atlet negeri Perlis dalam pelbagai bidang sukan, baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa pada tahun 2019 adalah memberangsangkan dan boleh dibanggakan. Antara pencapaian atlet-atlet Perlis adalah pertama, 1 pingat emas, 1 perak dan 5 gangsa dalam Sukan Taekwondo di Kejohanan *Asian University Championship* 2019 Manila, Filipina, 1 pingat perak dalam Sukan Berbasikal (Acara Kreterium) di Kejohanan Jelajah Eropah 2019, 1 pingat perak bagi Sukan Sepak Takraw antara Regu di Kejohanan Mayor Cup Hatyai 2019, 1 pingat gangsa dalam Sukan Takraw antara Regu di Kejohanan Phuket Open 2019, 1 pingat gangsa bagi Sukan Taekwondo (kategori 74kg) di Kejohanan *World University Championship* 2019 Italy, manakala, di peringkat kebangsaan, 4 pingat emas

telah diperoleh melalui Kejohanan Hoki Razak Cup Divisyen Dua 2019, Karate Terbuka Malaysia KL 2019, Kejohanan Memanah MSSM 2019, Kejohanan Angkat Berat Kebangsaan 2019 Sarawak dan Johan Sukan Berbasikal untuk acara Team Sprint, acara Omnium dan acara Lebu Raya dalam Kejohanan Trek Kebangsaan 2019. Bagi pembangunan sukan, Kerajaan Negeri menyediakan sebanyak 4.62 juta ringgit untuk pembangunan atlet, pembangunan Khas *Young Lion*, penganjuran sukan dan persediaan kontinjen Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XX di Johor. Sasaran pingat di SUKMA Johor untuk kali ini adalah sebanyak 8 pingat emas, 7 perak dan 10 gangsa.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kita mengucapkan tahniah kepada 8 orang atlet negeri Perlis yang telah mewakili Malaysia yang telah menyumbangkan pingat-pingat kepada Malaysia di Kejohanan Sukan SEA di Filipina. Kerajaan Negeri akan memberikan insentif yang bersesuaian kepada 8 atlet ini yang telah mengharumkan nama negeri Perlis dan Malaysia di Kejohanan Sukan SEA di Filipina yang sedang berlangsung sekarang ini, dan ingin saya sebutkan di sini mereka telah menyumbangkan sejumlah 8 pingat, 3 pingat emas, 1 perak dan satu gangsa. Dan sebagai penghormatan kepada mereka, saya ingin menyebutkan nama-nama mereka. Pertama petanque, Mohd Safi Azrul bin Othman, emas kategori *triple* lelaki. *Lawn bowls*, Daeng Dhardy bin Dahasry, pingat emas kategori *men's fourth*. Syafiqa Haidar Afif binti Abdul Rahman, pingat emas dalam kategori *women's fourth*. Auni Fathiah binti Kamis, pingat gangsa kategori *women's triple*. Taekwando, Joshua Amirul bin Abdullah, pingat perak bagi kategori 80kg welterweight. Mohd Luqman Hakim bin Suhaimi, gangsa kategori 87kg. Nur Aqilah Suraya binti Mohd Suhaimi, gangsa 64kg welterweight, dan Muhammad Syafiq bin Zuber, gangsa 74kg lightweight. Tahniah kepada kelapan-lapan atlet yang berasal daripada Perlis ini.

Peningkatan Pendapatan Rakyat

Usahawan Tani.

Berdasarkan statistik, guna tanah pertanian merupakan peratusan terbesar di negeri Perlis iaitu 60,671 hektar atau 64.13 peratus daripada keseluruhan guna tanah negeri. Sektor pertanian juga merupakan penyumbang kedua terbesar kepada KDNK negeri Perlis pada tahun 2019. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri percaya pemerkasaan sektor pertanian akan menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi Negeri. Bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak 1 juta ringgit bagi Program Peningkatan Pengeluaran dan Produktiviti Tanaman Padi Secara Pakej. Program ini bertujuan meningkatkan pengeluaran hasil padi petani, khususnya di kawasan luar MADA dengan sasaran peningkatan hasil kepada tujuh (7) metrik tan per hektar. Program ini melibatkan 1,827 orang petani dengan keluasan tanah 1,520 hektar. Program ini merangkumi tiga (3) projek utama iaitu, pertama, Projek Sawah Gemilang, kedua Projek Peningkatan Hasil Padi Secara Berkelompok, dan ketiga Projek Sawah Organik. Pada tahun 2020, 525 ribu ringgit disediakan untuk Program Sawah Gemilang dengan tumpuan di kawasan Kampung Teluk Jambu, Kampung Santan dan Kampung Panggas Besar. Manakala, bagi projek peningkatan hasil padi, Kerajaan Negeri telah menyediakan sebanyak 415 ribu ringgit yang melibatkan 18 projek padi berkelompok dengan keluasan 1,242 hektar. Kumpulan petani dalam program ini akan dibantu dari segi kemudahan infrastruktur asas, terutamanya pengairan dan perparitan. Adalah dijangkakan pengeluaran hasil padi dapat ditingkatkan daripada jumlah purata 4.2 tan metrik per hektar pada tahun 2019 kepada 5.2 tan metrik per hektar pada tahun 2020. Jabatan Pertanian juga akan melaksanakan projek rintis bagi penanaman padi organik dengan peruntukan 60 ribu ringgit. Fasa awal akan melibatkan 21 orang petani dengan keluasan 29.37 hektar di Kampung Wang Kelian akan menyediakan mesin mini pemprosesan beras bagi menggalakkan para peserta untuk memproses beras secara kecil-kecilan terlebih dahulu sebelum berpindah ke skala yang lebih besar. Selain dari

pengeluaran padi, Kerajaan Negeri juga amat menggalakkan petani-petani untuk meningkatkan produktiviti pelbagai tanaman, antaranya sayuran dan buah-buahan. Dalam usaha ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak 100 ribu ringgit bagi meningkatkan pengeluaran dan produktiviti tanaman sayuran melalui teknologi fertigasi. Dengan pengamalan teknologi pertanian moden ini, Kerajaan Negeri yakin pengeluaran hasil sayuran akan meningkat daripada 546 ribu tan metrik dengan nilai 2.70 juta ringgit kepada 573 ribu tan metrik dengan nilai 2.90 juta ringgit. Pada tahun 2020, seramai 25 petani akan mendapat manfaat dengan jangkaan pendapatan bersih mencecah 5 ribu ringgit sebulan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Industri cendawan juga mempunyai prospek yang cerah, khususnya dalam bentuk hiliran, dan boleh menarik minat ramai usahawan untuk menceburi industri ini. Dua (2) jenis varieti cendawan akan diperkenalkan iaitu cendawan tiram kelabu dan cendawan *volvariella* yang berpotensi diusahakan secara komersial. Pada tahun ini seramai tujuh (7) orang usahawan telah membina 15 buah rumah cendawan dengan hasil pengeluaran setahun sebanyak 210 ribu ringgit. Pada tahun 2020, seramai empat (4) orang lagi peserta akan diberikan insentif dengan membina rumah cendawan baharu dan bekalan peralatan dengan peruntukan sebanyak 60 ribu ringgit. Jangkaan pengeluaran setahun adalah 56 tan dan hasil pengeluaran meningkat kepada 280 ribu ringgit setahun. Sebagai ikon negeri, harumanis terus diletakkan sebagai hasil pertanian yang dapat melonjakkan pendapatan petani. Bagi memastikan pengeluaran harumanis adalah tinggi, berkualiti, berdaya saing dan mempunyai nilai eksport yang tinggi, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak 1.30 juta ringgit yang merangkumi penyediaan infrastruktur asas projek, khidmat nasihat kaedah pemprosesan dan pemasaran, penggunaan teknologi dalam agronomi di ladang, serta mewujudkan sebuah pusat pengumpulan harumanis yang akan dikendalikan oleh 1,955 petani secara berkelompok. Kerajaan Negeri juga komited dalam menerokai teknologi moden bagi pemasaran harumanis dengan penggunaan QR Code untuk merencanakan lagi aktiviti pemasaran serta menjamin ketulenan dan kualiti buah harumanis. Bagi mempelbagaikan hasil pertanian, Kerajaan Negeri turut memberi fokus kepada industri tanaman kelapa yang berpotensi untuk dibangunkan dan memberi faedah ekonomi kepada negeri Perlis dalam memenuhi keperluan kelapa segar dan kelapa proses. Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak 65 ribu ringgit bagi penyediaan anak pokok kelapa Matag dengan keluasan tanaman seluas 7.97 hektar. Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak 250 ribu ringgit bagi memperkukuhkan lagi sektor industri asas tani. Bagi tahun 2020, sejumlah 300 orang usahawan Industri Asas Tani disasarkan terlibat program pembangunan modal insan serta insentif mesin dan peralatan.

Program Memperkasakan Keusahawanan.

Bagi mencapai aspirasi melahirkan lebih ramai usahawan berjaya di negeri Perlis, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan berjumlah 822 ribu ringgit pada tahun 2020 di bawah Skim Galakan Usahawan termasuk mempromosi produk usahawan kita melalui penyertaan karnival, program dan aktiviti keusahawanan di dalam dan luar negeri Perlis. Bagi menggalakkan usahawan ternakan pula, penternak akan dibantu melalui pemberian peralatan dan insentif seperti bantuan makanan tambahan ternakan ruminan, inisiatif intervensi pengeluaran ternakan puyuh, program Perlis *Beef Breeders* dan program pernian beradas. Penternak yang berpotensi juga akan dibantu dalam pembinaan sistem solar dan pemasangan pagar elektrik. Bagi pembangunan keusahawanan di peringkat pelajar sekolah, PKENPs telah diberi tanggungjawab untuk memberi tumpuan kepada kumpulan ini melalui Program Tunas Niaga ataupun PROTUNe. Peruntukan sebanyak 1.43 juta ringgit akan disediakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan Malaysia. Bagi program ini yang merangkumi latihan pengurusan syarikat kepada guru pembimbing dan seterusnya diturunkan di peringkat pelajar, latihan keusahawanan secara praktikal dan pertandingan keusahawanan. Perniagaan atas talian telah

menjadi satu fenomena pada hari ini dan negeri Perlis tidak akan ketinggalan untuk merebut potensi dan peluang yang tersedia. Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk menyediakan Kursus Usahawan Digital dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA) Perlis yang akan dimanfaatkan oleh 150 orang usahawan. Kerajaan Negeri juga sedang merangka untuk menggunakan pusat-pusat internet desa sebagai pusat bagi melahirkan usahawan digital di peringkat kampung. Bagi Kursus Usahawan Wanita serta Program Mengaktifkan Wanita Perlis akan diteruskan pada tahun 2020 dan diberi tumpuan kepada kemahiran jahitan dan masakan dengan kerjasama Kolej Komuniti Perlis. Peruntukan keseluruhan bagi program-program ini adalah 90 ribu ringgit. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan inisiatif galakan perniagaan melalui pemberian diskaun sebanyak 20 peratus ke atas permohonan lesen perniagaan penjaja di bawah MPK, sama ada permohonan baharu mahupun pembaharuan lesen penjaja. Pemberian diskaun ini adalah merangkumi penjaja kategori meja jualan, penjaja bergerak, peniaga pasar malam dan pasar sehari serta penjaja kereta sorong.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kebajikan.

Kerajaan Negeri prihatin dengan masalah rakyat miskin yang adakalanya terputus bekalan makanan asas. Bagi menangani masalah ini, program *Food Bank* akan diwujudkan. Bagi tujuan ini, sebanyak 15 pusat agihan makanan fakir dan miskin diwujudkan dengan bekalan makanan asas sebanyak 500 ribu ringgit setiap bulan... *sorry* seratus... sebanyak 500 ringgit setiap bulan. Mereka yang terdesak bolehlah mengambil bekalan makanan yang disediakan tetapi janganlah mengambil melebihi keperluan atau lebih teruk lagi, disalah gunakan. Di samping itu, MAIPs juga mempunyai program yang sama dan menjadikan 102 buah masjid di negeri Perlis sebagai pusat agihan makanan fakir miskin di bawah program Agihan Makanan Dakwah Bil-Hal. Bagi merencanakan program ini, Kerajaan Negeri mendapat kerjasama dari *Perlis Volunteer Action Community* bagi membuka sebuah Pusat Makanan Fakir Miskin ataupun PMFM di Kampung Repoh, Kangar. Bekalan makanan di sini disumbangkan oleh orang ramai melalui kerjasama dengan beberapa pasaraya terpilih. Kerajaan Negeri juga menggalakkan pelbagai pihak, khususnya NGO dan pihak swasta, untuk turut menyumbang dalam PMFM sebagai tanggungjawab sosial bersama.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri menyediakan sebanyak 8.06 juta ringgit di mana 7.09 juta ringgit daripadanya disediakan untuk bantuan am bulanan, 560 ribu ringgit bagi bantuan bencana dan 413 ribu ringgit pula untuk bantuan lain seperti bantuan basikal, cermin mata dan latihan sambil belajar atau *On Job Training*. Di kesempatan ini juga saya sekali lagi ingin berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah menyediakan peruntukan sebanyak 23.82 juta ringgit untuk kebajikan rakyat negeri Perlis. Peruntukan ini meliputi, pertamanya, elaun pekerja cacat – 9.49 juta ringgit. Bantuan orang tua – 5.84 juta ringgit. Ketiga, bantuan kanak-kanak – 3.25 juta ringgit. Keempat, pesakit kronik terlantar – 2.70 juta ringgit dan kelima, bantuan OKU tidak berupaya bekerja – 2.54 juta ringgit.

Peluang Pekerjaan Kepada Golongan Sasar.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama NCI dan syarikat swasta akan membantu golongan belia, wanita, ibu tunggal, graduan menganggur di bawah kelompok B40 serta usahawan mikro meningkatkan pendapatan mereka melalui bantuan-bantuan, program latihan kemahiran dan keusahawanan yang bersesuaian. Terdapat enam (6) program utama yang akan dilaksanakan iaitu empowerNCER@Perlis: Latihan Kemahiran & Keusahawanan untuk 200 orang, empowerNCER@Perlis: Program Akademik untuk 200 orang, empowerNCER – MyKasih,

entrepreneur NCER 50 orang, Dana Mudahcara Bumiputera (DMB@NCER) dan NCER Talent Enhancement Programme (NTEP). Kerajaan Negeri juga melihat pembangunan asnaf boleh ditransformasi secara lebih efektif dan holistik bagi membantu warga asnaf berdikari dan turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negeri. Melalui Akademi Transformasi Asnaf MAIPs atau ATAM dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan, sebanyak 325 peluang latihan dan penempatan pekerjaan akan ditawarkan kepada warga asnaf ini pada tahun hadapan. Di samping itu, ATAM juga akan memberikan bantuan lain berdasarkan keperluan asnaf, seperti bantuan mesin, peralatan pertukangan, alatan perniagaan makanan dan bantuan modal.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pembangunan Rohaniah.

Pembangunan rohaniah juga adalah penting bagi mewujudkan generasi muda yang lebih progresif. Justeru institusi masjid merupakan sebuah institusi penting yang perlu diperkasakan dan berperanan sebagai pusat pembangunan ummah. Bagi memastikan fungsi masjid terus diimarahkan serta berkeadaan selesa sebanyak 16.00 juta ringgit diperuntukkan untuk projek seperti berikut. Pertama, Pembinaan Masjid Al-Hakim Padang Malau, Beseri – 5 juta ringgit. Kedua, Pembinaan Masjid Al-Munir, Kuala Perlis – 5 juta ringgit. Ketiga, Pembinaan Masjid Al-Kauthar, Paya Beseri – 3.50 juta ringgit. Projek Naik taraf Masjid As-Solihin, Kg. Bawah Bukit, Chuping – 1.50 juta ringgit, dan Projek Naik taraf Masjid Nurul Hikmah di Wang Bintong, Masjid Darul Ulum di Wang Ulu, Bintong dan Masjid Al-Rahman, Simpang Sanglang – 1 juta ringgit. Di samping itu, Kerajaan Negeri mendapati program menghafaz Al-Quran di kalangan kumpulan pelajar sekolah, Program Rawdatul Huffaz, yang dimulakan pada tahun 2016 disambut baik oleh para ibu bapa malahan terdapat masjid yang menerima peserta melebihi kuota yang ditetapkan. Program ini adalah program menghafaz Juzuk 30 Al-Quran di samping membetulkan bacaan anak-anak kita bagi memastikan solat mereka lebih sempurna. Justeru, Program Rawdatul Huffaz akan diteruskan pada tahun 2020 merangkumi 15 DUN di negeri Perlis dengan peruntukan sebanyak 50 ribu ringgit. Kerajaan Negeri juga amat prihatin dengan gejala penagihan dadah yang menjadi kudis di dalam pola masyarakat hari ini. Berdasarkan statistik dari Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) negeri Perlis, 54.7 peratus daripada jumlah penagih di Perlis adalah terdiri daripada golongan belia. Bagi mengatasi gejala ini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama AADK akan melaksanakan projek rintis iaitu Program 'Kampungku Permai Lagi Mempesona' (KPLM) yang akan dilaksanakan selama 3 tahun mulai tahun 2020 di kawasan berisiko tinggi di Kuala Perlis. Program ini melibatkan pelbagai jabatan secara bersepadu dan diharapkan dapat menggerakkan masyarakat setempat untuk sama-sama berganding bahu dalam membendung gejala penagihan dadah dari terus berleluasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pendidikan.

Sebagaimana yang telah dibentangkan dalam Pembentangan Bajet tahun lalu, Kerajaan Negeri Perlis telah menyediakan sumbangan dana pelajaran berbentuk *one-off* bagi anak-anak Perlis yang melanjutkan pengajian sepenuh masa di Institut Pengajian Tinggi Awam mahupun Swasta (IPTA/IPTS) bermula dari peringkat matrikulasi hinggalah ke program Ijazah Pertama Luar Negara. Mulai tahun 2020, syarat pendapatan isi rumah telah dinaikkan dari 3 ribu kepada 4 ribu ringgit bagi membolehkan lebih ramai pelajar mendapat manfaat. Selain itu, pemberian *one-off* ini akan diperluaskan kepada individu yang melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dengan kadar seperti berikut, Ijazah Pertama Luar Negara/ Sarjana/ PHD – 2,000 ringgit, Ijazah Pertama Dalam Negara/ Sarjana/ PHD – 1,200 ringgit, Diploma – 1,000 ringgit dan Matrikulasi/ asasi/ pra diploma dan lain-lain yang setaraf – 700 ringgit. Di samping pemberian berbentuk *one-off*, kemudahan pinjaman sebanyak... sehingga 7 ribu ringgit setahun

untuk tempoh pengajian maksimum 4 tahun disediakan kepada pelajar yang menyambung pelajaran di peringkat Ijazah pertama dalam negara. Bagi tujuan menggalakkan pelajar menyambung pelajaran sehingga peringkat tertinggi, pinjaman ini juga diperluas ke peringkat Sarjana dan PHD di dalam dan luar negara dengan kadar pinjaman sebanyak 10 ribu ringgit setahun. Pinjaman pelajaran Kerajaan Negeri ini boleh dijadikan alternatif bagi pelajar yang tidak mendapat sebarang dana pendidikan. Suka juga dimaklumkan bahawa tiada had pendapatan ditetapkan bagi permohonan pinjaman ini. Sebagai insentif, diskaun bayaran balik sebanyak 50 peratus akan diberikan kepada pelajar yang cemerlang dengan Ijazah Kelas Pertama. Manakala, bagi pelajar yang bercadang membuat bayaran penuh lebih awal dari jadual, Kerajaan Negeri akan memberikan insentif pengurangan baki kos pentadbiran.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) mengendalikan 15 buah Tadika Islam Perlis (TIPs). Pada masa kini, para guru yang berkhidmat di tadika tersebut cuma dibayar elaun mengajar. Bagi menjaga kebajikan dan masa depan guru-guru ini, Kerajaan Negeri bersetuju untuk mewujudkan perjawatan kontrak bergred S19 bagi Penyelia dan S11 bagi Guru TIPs yang menepati syarat kelayakan yang ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Pengwujudan jawatan baharu ini akan melibatkan peruntukan sebanyak 957 ribu ringgit iaitu 696 ribu ringgit ditanggung oleh Kerajaan Negeri manakala sebahagian lagi ditanggung oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Perlis. Kerajaan Negeri berharap langkah ini dapat memberi inspirasi dan semangat kepada guru-guru ini untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang. Pada tahun 2019, buat pertama kalinya Kerajaan Negeri telah menganjurkan program Tutorial @ Masjid pada setiap hari Sabtu dan Ahad bermula jam 2 petang hingga ke jam 5 petang di enam buah masjid terpilih. Matlamat utama program ini adalah bagi membantu pelajar miskin yang menjadi calon UPSR, PT3 dan SPM untuk mendapat tuisyen secara percuma sebagai persiapan menghadapi peperiksaan dan meningkatkan pencapaian mereka. Program ini dilihat mendapat sambutan yang menggalakkan dari pelbagai pihak. Secara tidak langsung program ini telah dapat mengimarahkan institusi masjid dan menerapkan nilai murni di kalangan pelajar memandangkan mereka turut solat berjemaah pada waktu Zohor dan Asar. Justeru itu, Program Tutorial @ Masjid akan diteruskan pada tahun 2020 dengan modus operandi yang sama iaitu berkonsepkan tutorial dan '*study group*' dengan peruntukan sebanyak 100 ribu ringgit. Baru-baru ini, Kerajaan Negeri telah menganjurkan program *Summer Camp* dengan kerjasama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Jabatan Pendidikan Perlis untuk memperkembangkan bakat dan kemahiran inovasi secara robotik seiring dengan Revolusi Perindustrian 4.0 atau IR 4.0. Memandangkan program ini mendapat sambutan baik dari kalangan pelajar dan guru-guru, ianya akan diteruskan pada tahun 2020 dengan penglibatan lebih ramai lagi pelajar dengan peruntukan sebanyak 35 ribu ringgit. Kerajaan Negeri turut mendukung aspirasi nasional dalam melonjakkan lagi pembangunan pendidikan teknikal dan vokasional, TVET. Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus, PPKK kepada kumpulan B40 telah pun dilaksanakan sejak tahun 2013 dengan penglibatan sebanyak 541 orang pelatih. Bagi tahun 2020, peruntukan sebanyak 820 ribu ringgit telah diluluskan bagi melatih 70 orang belia negeri Perlis untuk mengikuti program latihan kemahiran berteknologi tinggi iaitu program penyelenggaraan *solar panel*, teknologi binaan, automotif dan *welding* di tiga (3) buah pusat latihan kemahiran swasta. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan sebanyak 100 ribu ringgit bagi membiayai yuran pendaftaran anak-anak Perlis yang menjalani program latihan kemahiran di Institut Latihan Perindustrian Perlis (ILP). Bagi memupuk minat masyarakat untuk membaca, Perpustakaan Awam Negeri Perlis telah memanjangkan waktu operasinya kepada hari Sabtu dan hanya ditutup pada hari Ahad. Perubahan ini yang dimulakan pada tahun 2019 akan dipertingkat dan dibuka sepanjang minggu pada musim peperiksaan iaitu bulan Ogos sehingga November. Berdasarkan pencapaian UPSR Bahasa Inggeris tahun 2019 baru-baru ini, berlaku peningkatan sebanyak 4.79 peratus bagi kertas pemahaman dan 2.56 peratus bagi kertas penulisan. Bagi meneruskan

momentum ini, Perpustakaan Awam Negeri Perlis akan mengadakan program pembelajaran Bahasa Inggeris berkonsepkan *Family Fun Learning* bagi memupuk minat kanak-kanak dan ibu bapa dalam kaedah pembelajaran Bahasa Inggeris.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pemantapan Penyampaian Perkhidmaan Awam.

Dalam aspek pentadbiran jentera-jentera kerajaan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, SUK sentiasa berusaha untuk melaksanakan pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan awam negeri. Kerjasama giat antara agensi-agensi negeri dan persekutuan sentiasa diutamakan. Kerajaan Negeri juga berusaha memantapkan agensi yang bertanggungjawab dengan penguatkuasaan melalui beberapa pendekatan seperti pewujudan *Flying Squad* bagi memantau aduan awam diambil tindakan. Di SUK sendiri, *Flying Squad* ini diselaraskan oleh Unit Pengurusan Korporat dan Integriti. Modus operandi *Flying Squad* adalah rondaan serta pemantauan dalam skop tugas tertentu bagi mengenal pasti sebarang permasalahan yang berpotensi menjadi aduan dan perlu diambil tindakan segera. Selain itu, dalam memenuhi hasrat rakyat yang inginkan penyampaian perkhidmatan yang pantas, satu program media sosial *whatsapp application* juga digunakan dalam mewujudkan kumpulan-kumpulan tertentu bagi menangani aduan rakyat dan salah satu contohnya yang telah wujud seperti 'Kumpulan *whatsapp* Group Kerja MPKK Perlis' dan sebagainya. Dalam usaha meningkatkan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam, pembangunan kompetensi para penjawat awam menjadi salah satu teras dalam memastikan jentera pentadbiran Kerajaan Negeri berjalan lancar. Sehubungan itu, pelbagai latihan, kursus dan program pembangunan modal insan telah dirancang ke arah pembentukan budaya kerja berprestasi tinggi dan bersinergi. Di samping itu, pusingan kerja akan dilaksanakan bagi memberi peluang kepada penjawat awam mendapat pendedahan luas dalam bidang kerjaya masing-masing. Pentadbiran negeri juga sentiasa melaksanakan kajian-kajian perjawatan dan penstrukturan organisasi selain membuat auditan dan naziran perjawatan. Selaras dengan perkembangan teknologi, pentadbiran SUK akan mewujudkan Jawatankuasa Khas Kerajaan Elektronik bagi mengenalpasti inisiatif baharu dalam memodenkan pentadbiran Kerajaan Negeri. Ia teretus hasil daripada beberapa program lawatan kerja termasuk lawatan *Benchmarking Study On Digital Government* yang ditaja oleh MPC ke negara Georgia baru-baru ini. Dengan adanya jawatankuasa elektronik kerajaan ini, beberapa inisiatif baharu akan dikaji kesesuaiannya untuk diterima pakai oleh jentera pentadbiran. Antara perkara yang dikaji adalah pemakaian atau penggunaan *blockchain* dalam perkhidmatan kerajaan. Kerajaan Negeri juga memperkukuhkan kerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam komitmen memerangi jenayah rasuah. Pelancaran Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) di peringkat nasional turut membabitkan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Pelan Anti Rasuah Peringkat Negeri berpandukan NACP menjelang tahun 2020. Ke arah pembentukan Pelan Anti Rasuah ini, beberapa langkah dan usaha telah dan sedang dijalankan menerusi taklimat dan bengkel pembentukan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) melibatkan kesemua Jabatan, Agensi Negeri. Melalui CRM ini dapat dikenal pasti risiko-risiko ke arah rasuah dalam setiap jentera Kerajaan Negeri dan usaha-usaha yang dikenal pasti mampu mengurangkan risiko-risiko tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Menghargai Penjawat Awam.

Perkhidmatan Awam adalah komponen yang sangat penting di dalam melaksanakan dasar, program, projek dan aktiviti yang telah dirancang dan dipersetujui oleh Kerajaan. Kerajaan Negeri sedar bahawa hanya dengan wujudnya institusi awam yang kukuh, cekap dan berkesan akan membolehkan segala perancangan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kerana itu,

Perkhidmatan Awam adalah juga merupakan pemegang taruh penting di dalam mana-mana Kerajaan dan dasar yang dilaksanakannya. Institusi Perkhidmatan Awam dan penjawat awam bukannya musuh, tetapi rakan dan pemegang taruh di mana kebajikan mereka harus dibela dan dijaga, bukannya diperaga dan dicela. Kerajaan Negeri sangat prihatin dengan kos sara hidup yang kian meningkat. Lanjutan dari pekelling baharu mengenai Kadar Bantuan Sara Hidup (COLA) kepada kumpulan pelaksana, Kerajaan Negeri mengambil perkara ini sebagai satu perkara positif yang perlu dilaksanakan. Maka tambahan sebanyak 50 ringgit sebulan elaun COLA bagi kumpulan pelaksana akan diberikan mulai Januari 2020 dengan implikasi kewangan tambahan sebanyak 637 ribu ringgit. Sebagai tanda penghargaan dan terima kasih terhadap komitmen serta dedikasi yang diberikan oleh penjawat awam negeri Perlis, Kerajaan Negeri meluluskan pembayaran Bantuan Khas Kewangan sebanyak 600 ringgit kepada penjawat awam dari Gred 1 hingga 54. Manakala, golongan pesara Kerajaan Negeri pula akan menerima bayaran sebanyak 300 ringgit atas jasa-jasa yang disumbangkan mereka. Selain itu, golongan pesara yang dilantik semula oleh Kerajaan Negeri secara *Contract for Service* akan menerima bayaran sebanyak 350 ringgit sebagai tambahan ke atas 250 ringgit yang dibayar oleh Kerajaan Pusat bagi mengenang jasa-jasa yang disumbangkan mereka ini, bermakna mereka akan menerima 650 ringgit keseluruhannya. Bantuan Khas ini juga akan dipanjangkan kepada Pegawai-Pegawai yang bertaraf Jusa, tidak ramai di Perlis, pada masa ini hanya ada empat orang. Mereka juga akan turut menerima 600 ringgit. (*majoriti yang berada di dalam Dewan menepuk meja*). Ini mungkin akan menjadi insentif kepada Kerajaan Pusat supaya juga menimbang Pegawai-Pegawai Jusa di tahun-tahun yang mendatang. Bantuan Khas Kewangan ini juga akan turut dinikmati oleh kakitangan *Contract For Service* negeri. Anggaran implikasi kewangan bagi pembayaran ini adalah sebanyak 698 ribu ringgit. Pembayaran bantuan khas ini akan dibuat pada 18 Disember ini. Kerajaan Negeri yakin dengan pemberian ini, perkhidmatan awam akan dapat terus diperkukuhkan dengan nilai integriti dan akauntabiliti terutamanya dalam memberi perkhidmatan yang cepat, tepat dan efisien.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kerajaan Negeri percaya dengan keterlibatan semua pihak, Bajet 2020 ini akan dapat direalisasikan demi pembangunan dan kesejahteraan rakyat di negeri ini. Ianya pasti akan didokong dengan amalan perbelanjaan berhemah, tadbir urus yang lebih baik dan perolehan yang lebih telus agar segala yang dirancang dapat memberi kebaikan dan manfaat kepada rakyat dengan penuh berintegriti. Akhir sekali, sebagai mengakhiri pembentangan Bajet 2020 Kerajaan Negeri, terimalah 2 rangkap pantun:

Indah Sungguh Bukit Kayangan,
Indah Lagi Bukit Kubu,
Walau diduga pelbagai halangan,
Perlis tetap melangkah maju.

Perlis makmur kurniaan Tuhan,
Rakyatnya jujur lagi budiman,
Keperluan rakyat kita utamakan,
Menjana kemakmuran, membina kesejahteraan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, demikianlah pembentangan Bajet 2020, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih. Wabillahitawfeek walhidayah wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

YB PUAN ASMAIZA BINTI AHMAD : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

6. ... **PENANGGUHAN DEWAN**

YB SPEAKER : Terima kasih Yang Amat Berhormat dan terima kasih kepada Yang Berhormat Chuping. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk hari ini dan akan disambung semula pada hari esok, Rabu, 11 haribulan Disember 2019 jam 9.00 pagi.

Sekian, terima kasih.

(Persidangan ditangguhkan pada jam 1.28 petang)